

**EMBARGO  
SEHINGGA JAM 1.00 PETANG  
PADA 21 NOVEMBER 2024**

**TEKS UCAPAN  
PEMBENTANGAN BELANJAWAN  
JOHOR 2025**

**“MAJU JOHOR, RAKYAT SEJAHTERA”**

**OLEH  
YANG AMAT BERHORMAT  
DATO' ONN HAFIZ BIN GHAZI  
MENTERI BESAR JOHOR**

**DALAM  
PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR**

**TARIKH  
21 NOVEMBER 2024**

Bismillahir Rahmanir Rahim

رَبِّ اشْرَحْ لِي صَدْرِي  
وَيَسِّرْ لِي أَمْرِي  
وَاحْلُلْ عُقْدَةً مِنْ لِسَانِي  
يَفْقَهُوا قَوْلِي

اللَّهُمَّ أَلْهِمْنِي رُشْدِي، وَأَعِزَّنِي مِنْ شَرِّ نَفْسِي

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*  
Salam Sejahtera dan Salam Maju Johor.

## PENDAHULUAN

**Yang Berhormat Datuk Speaker,**

1. Alhamdulillah, marilah kita sama-sama memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT, kerana dengan limpah kurnia dan inayah-Nya jua, dapat kita bersama-sama hadir di dalam sesi pembentangan Belanjawan Johor 2025 pada hari ini.
2. Marilah kita turut sama-sama melafazkan selawat dan salam buat junjungan besar Nabi Muhammad SAW, pemimpin agung yang sentiasa menjadi pedoman dan teladan buat kita sehingga ke akhir zaman.
3. Sebelum meneruskan bicara, izinkan patik terlebih dahulu Merafak Sembah Ucapan Setinggi-Tinggi Tahniah Serta Ucap Selamat Kepada **Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim** sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku yang jatuh pada tanggal 22 November, esok.

4. Patik berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala semoga **Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong** dan **Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong** serta seluruh kerabat diraja sekalian dilanjutkan usia serta sentiasa berada dalam keafiatan agar dapat terus menaungi patik-patik semua dan Bangsa Johor sekaliannya.

*Kapal Berlayar Dikemudi Nakhoda,  
Dari Lautan Hingga Ke Kota,  
Raja dan Rakyat Berpisah Tiada,  
Lambang Kemakmuran Negeri Tercinta.*

5. Patik juga menjunjung setinggi-tinggi kasih kepada **Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Ismail, Pemangku Sultan Johor** atas segala nasihat dan bimbingan yang dicurahkan kepada patik dan kepimpinan negeri demi kepentingan dan **kemaslahatan** Bangsa Johor.

*Negeri Johor Negeri Lestari,  
Majukan Negeri Menjadi Cita,  
Raja Lambang Kedaulatan Negeri,  
Rakyat Bernaung Di Payung Mahkota.*

#### **Yang Berhormat Datuk Speaker,**

6. Johor kini sedang berada di persimpangan penting dengan pelbagai potensi-potensi yang memungkinkan kita mencatat lembaran sejarah baharu. Kita sedang meniti dan melalui satu era yang penuh dengan ruang dan peluang yang tidak boleh tidak, mesti direbut - ruang dan peluang yang bakal merubah landskap ekonomi negeri dan kehidupan rakyat pada skala yang tidak pernah kita saksikan. *The stars have finally aligned in Johors favour.* Pucuk pimpinan negara melihat Johor sebagai '*The Next Engine Of Growth For The Country*'. Justeru, marilah kita menjemur sementara hari masih panas, kerana adat periuk berkerak, adat lesung berdedak.

**Yang Berhormat Datuk Speaker,**

7. Syukur Alhamdulillah, dalam tempoh 2 tahun, Johor telah menarik pelaburan berjumlah RM 113.7 billion, menghasilkan lebih 35,000 peluang pekerjaan baharu.
8. Pada bulan September yang lalu, Kerajaan Persekutuan telah melancarkan Pakej Insentif bagi Zon Kewangan Khas (SFZ) yang berpangkalan di Forest City.
9. Menjelang hujung tahun ini pula, Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Singapura akan menandatangani perjanjian bagi pelaksanaan Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ). Dengan pelaksanaan Zon Ekonomi Khas tersebut, dijangka lebih 100,000 peluang pekerjaan akan dijana.
10. Dan pada hari ini, syukur alhamdulillah berkat usaha semua pihak, buat pertama kalinya dalam sejarah, Johor akan merekodkan terimaan hasil melebihi **RM 2 bilion** bagi tahun 2024. Ini semua tak ubah umpama air dalam karang menonggok, setinggi campur kemenyan, gula tertumpah pada kanji.

**Yang Berhormat Datuk Speaker,**

11. Bukan itu sahaja, bagi pihak Kerajaan Negeri, terima kasih yang tidak terhingga saya ucapkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim dan Kerajaan Persekutuan di atas pengumuman peruntukan sebanyak **RM 4.8 bilion** bagi perbelanjaan pembangunan **Rolling Plan ke-5 (2025)** di bawah **Rancangan Malaysia Kedua Belas** untuk Negeri Johor yang merangkumi **143 projek baharu dan 433 projek sambungan**. Antaranya termasuklah:
  - i. **Pembinaan Fasa 3 lorong tambahan Lebuh raya Utara-Selatan (PLUS) daripada 4 kepada 6 lorong**, dari Simpang Renggam ke Machap;

- II. **Membina Persimpangan Bertingkat Baharu** di Lebuhraya *Second Link* dan **Penambahbaikan Rangkaian Jalan** di Kawasan Gelang Patah ke Arah Stadium Sultan Ibrahim;
- III. **Menaik aras dan memperelok jalan** dari Johor Bahru ke Mersing;
- IV. **Menaik taraf dan melebar jambatan** Pontian Besar;
- V. **Pembinaan 18 buah sekolah baharu** termasuk sebuah sekolah murid berkeperluan khas;
- VI. **Pembinaan Baraj Takungan Air Pinggiran Sungai** di Sungai Sedili Besar, Kota Tinggi;
- VII. **Menaik taraf loji rawatan kumbahan serantau sedia ada dan membina rangkaian paip pembentungan di Sungai Kim Kim** untuk mengekang pencemaran air;
- VIII. **Projek Pemuliharaan Sungai Skudai** di Daerah Kulai dan Johor Bahru;
- IX. **Pembangunan Projek Perumahan Inklusif Madani (PIM)** di Johor Bahru; dan
- X. **Pembinaan Dataran Penghujung Benua Asia** di Taman Negara Johor Tanjung Piai.

**Yang Berhormat Datuk Speaker,**

12. Kita juga bakal menyaksikan Sistem Rapid Transit, RTS yang menghubungkan Johor dan Singapura mula beroperasi sekitar awal tahun 2027. Insya-Allah, inisiatif ini akan digandingkan dengan penaiktarafan infrastruktur berskala mega termasuk pengenalan sistem pengangkutan *Elevated - ART* secara PFI.
13. Tidak cukup dengan itu, sekali lagi berkat kerjasama semua pihak, pelbagai pencapaian dan inisiatif juga telah dijayakan oleh Kerajaan Johor seperti:
  - I. Pembukaan semula Zoo Johor;
  - II. Pembasmian miskin tegar menerusi Program Keluarga Angkat dan Dapur Kasih Johor;
  - III. Program Bina Baru dan Baik Pulih Rumah bagi golongan asnaf;

- IV. Membina lebih banyak perumahan mampu milik;
- V. Jualan Kasih Johor;
- VI. Program Semarak Subuh;
- VII. Insentif khemah untuk usahawan mikro;
- VIII. Bantuan Bilik Guru dan Bilik Pantri Kakitangan Kesihatan;
- IX. Menaik taraf jalan-jalan di Johor; dan banyak lagi.

**Yang Berhormat Datuk Speaker,**

14. Syukur Alhamdulillah. Kejayaan Negeri Johor tidak terhenti setakat itu. Ekonomi Johor terus menunjukkan prestasi yang memberangsangkan dengan pertumbuhan ekonomi yang mencatatkan perkembangan sebanyak **4.1 peratus** pada tahun 2023. Angka ini melepasi paras pertumbuhan nasional **3.6 peratus** dengan nilai KDNK berjumlah **RM 148.2 bilion** pada tahun 2023 berbanding **RM 142.4 bilion** pada tahun 2022.

15. Prestasi ekonomi Johor yang memberangsangkan ini juga dibuktikan dengan:

**Pertama** : Peningkatan jumlah **import** sebanyak **16 peratus** kepada **RM 290 bilion** berbanding tahun lepas;

**Kedua** : Peningkatan import dan eksport berjumlah **RM 561.6 bilion** membawa Johor untuk muncul sebagai **penyumbang kedua terbesar perdagangan negara**;

**Ketiga** : Sektor pembinaan terus merekodkan pertumbuhan memberangsangkan dengan nilai berjumlah **RM 17.1 bilion** berbanding **RM 10.8 bilion** pada tempoh yang sama tahun lepas; dan

**Keempat** : Kadar pengangguran terus kekal pada kadar yang rendah iaitu **2.3 peratus** pada suku ketiga tahun ini.

**Yang Berhormat Datuk Speaker,**

16. Saya yakin dengan sepenuh hati bahawa semua pencapaian-pencapaian yang saya sebutkan tadi hanyalah bibit-bibit permulaan yang insya-Allah, akan menjadi titik tolak kepada sebuah era baharu yang menjanjikan masa depan yang lebih gemilang buat seluruh Bangsa Johor. Dengan izin Allah, Johor bakal menjadi muara kepada segala limpahan peluang ekonomi yang mengalir bukan sahaja daripada jiran kita di seberang tambak, bahkan dari serata ceruk rantau dan pelosok dunia. Kesemua peluang ekonomi ini akan menjadi limpahan rahmat dan manfaat yang begitu besar khususnya kepada Bangsa Johor kerana kalau jernih airnya, jinaklah ikannya.

**Yang Berhormat Datuk Speaker,**

17. Sebagai hamba dan juga khalifah di muka bumi Allah ini, adalah menjadi tanggungjawab kita untuk sentiasa berusaha dan berikhtiar dengan sepenuh daya dan upaya. Setelah usaha dan ikhtiar dilaksanakan sepenuh jiwa, raga dan hati, haruslah kita bertawakkal kepada-Nya kerana yang menentukan segala-galanya hanyalah Allah SWT. Namun, apa yang lebih penting, kita wajib bersyukur atas segala limpah kurnia rahmat dan rezeki yang telah dianugerahkan Ilahi.
18. Allah SWT berfirman dalam Surah Ibrahim, ayat 7:

وَإِذْ تَأَذَّنَ رَبُّكُمْ لَئِن شَكَرْتُمْ لَأَزِيدَنَّكُمْ وَلَئِن كَفَرْتُمْ إِنَّ عَذَابِي لَشَدِيدٌ

*"Dan ingatlah ketika Tuhanmu mengingatkan: "Sesungguhnya jika kamu bersyukur, nescaya Aku akan menambah nikmat-Ku kepadamu, tetapi jika kamu mengingkari nikmat-Ku, pasti azab-Ku sangat pedih".*

19. Ayat ini mengingatkan saya akan janji Allah SWT bahawa bersyukur adalah kunci utama yang membuka pintu-pintu rezeki

serta keberkatan, sementara kelalaian dan mengkufuri nikmat yang diberi oleh-Nya akan mengundang azab yang perit.

20. Justeru, saya ingin mengingatkan diri saya dan semua yang berada di dalam Dewan ini, walaupun kita diuji dengan kesusahan dan kesempitan, menempuh onak duri dan cabaran, janganlah kita sekali-kali lupa akan segala limpahan rahmat, rezeki dan kesenangan yang telah dikurniakan oleh-Nya selama ini. Tanam dan sematkanlah rasa syukur yang ikhlas dan mendalam di hati, kerana sesungguhnya, terlalu banyak yang telah diberikan oleh-Nya dan ia hanyalah pinjaman yang boleh ditarik balik dalam sekelip mata, jika kita lalai dan alpa dalam menghargai dan mensyukurinya. Nauzubillah Min Zalik.

#### **Yang Berhormat Datuk Speaker,**

21. Bagi tahun **2025**, sukacita saya maklumkan bahawa unjuran **hasil** Negeri Johor adalah sebanyak **RM 2.005 bilion** iaitu peningkatan sebanyak **RM 201 juta** atau **11 peratus** berbanding unjuran tahun 2024.
22. Unjuran **perbelanjaan** pada tahun 2025 pula adalah sebanyak **RM 1.999 bilion**. Angka-angka ini menunjukkan bahawa Belanjawan Johor 2025 merupakan **Belanjawan Surplus** dengan sebanyak **RM 5.12 juta**. Sejumlah **RM 1.271 bilion** diperuntukkan bagi tujuan **Belanja Mengurus** manakala sejumlah **RM 728 juta** pula diperuntukkan bagi tujuan **Belanja Pembangunan**.
23. Dengan bertemakan “**Maju Johor, Rakyat Sejahtera**”, Belanjawan Johor 2025 ini digubal dengan berpegang kepada prinsip bahawa segala perancangan dan pelaksanaan adalah demi kebajikan dan kesejahteraan Bangsa Johor.

*Maju Johor Tonggak Utama,  
Enam Teras Menjadi Landasan,  
Bangsa Johor Ayuh Bersama,  
Perkasa Negeri Penuh Wawasan.*



*Mahkota Johor Bertatah Mutiara,  
Indah Sinar Kilau Gemerlapan,  
Maju Johor Rakyat Sejahtera,  
Belanjawan 2025 Saya Bentangkan.*

**Yang Berhormat Datuk Speaker,**

24. Belanjawan Johor 2025 yang akan dibentangkan pada hari ini berpegang kepada **Enam Teras Maju Johor** yang merangkumi **244 inisiatif**.

**TERAS PERTAMA: TADBIR URUS KERAJAAN**

*Johor Gemilang Negeri Lestari,  
Mencetus Sejarah Mencipta Harapan,  
Tadbir Urus Nadi Negeri,  
Memacu Perkhidmatan Masa Hadapan.*

25. Teras Pertama ialah **TADBIR URUS KERAJAAN**.
26. Kecekapan dan keberkesanan pentadbiran sesebuah kerajaan sememangnya bergantung kepada pengamalan tadbir urus terbaik di semua peringkat. Atas dasar itu, tadbir urus diletakkan sebagai Teras Pertama dalam agenda Maju Johor. Ia menjadi indikator paling penting yang akan menunjangi komponen-komponen teras yang lain.
27. Bagi meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan awam dan menjayakan Teras Pertama ini, **sebanyak 43 inisiatif** telah dikenalpasti untuk terus memperkukuh tadbir urus di Negeri Johor.
28. Inisiatif pertama ialah **KEBERKESANAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN** melalui **PERUBAHAN CUTI HUJUNG MINGGU** di negeri Johor.
29. Patik bagi pihak Kerajaan Negeri menjunjung kasih di atas titah Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Ismail, Pemangku Sultan Johor serta restu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka

Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim bagi pelaksanaan cuti hujung minggu pada hari Sabtu dan Ahad bermula 1 Januari 2025.

**Yang Berhormat Datuk Speaker,**

30. Insya-Allah, tanpa mengetepikan kepentingan urusan solat Jumaat, Kerajaan Negeri yakin keputusan ini bakal memberi manfaat kepada seluruh Bangsa Johor dimana mereka akan mendapat masa yang lebih berkualiti bersama ahli keluarga tersayang dengan memudahkan mereka merancang aktiviti pada hujung minggu. Disamping itu, ia juga akan memberi kesan yang positif kepada ekonomi negeri.
31. Seiring dengan perubahan tersebut, jadual waktu bekerja jabatan dan agensi Kerajaan Negeri dan Persekutuan di Negeri Johor akan diselaraskan semula mengikut pelaksanaan di peringkat persekutuan.
32. Bagi memastikan kemuliaan hari Jumaat terus terpelihara dan umat Islam termasuk yang bekerja di sektor swasta dapat menunaikan kewajipan Solat Jumaat dengan selesa, Kerajaan Negeri ingin membuat ketetapan supaya waktu rehat bagi sektor swasta pada hari Jumaat dilanjutkan daripada 1 jam 30 minit kepada 2 jam.
33. Seterusnya, bagi memastikan pelajar-pelajar lelaki yang beragama Islam dapat menunaikan solat Jumaat, maka Jabatan Pendidikan Negeri dan Jabatan Agama Islam bersama-sama Jabatan Mufti akan mengambil tindakan sewajarnya bagi menambah bilangan surau termasuk surau atau dewan yang berada di dalam kawasan sekolah yang menepati kriteria untuk diberikan kebenaran melaksanakan solat Jumaat.

**Yang Berhormat Datuk Speaker,**

34. Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri akan terus mempertingkatkan produktiviti dan menambahbaik sistem penyampaian perkhidmatannya. Antaranya;

**Pertama** : Memperkasa perkhidmatan digital dengan penambahan urusan yang boleh dilaksanakan secara atas talian atau *online*;

**Kedua** : Memanjangkan waktu operasi perkhidmatan kaunter yang kritikal untuk terus beroperasi termasuk pada waktu rehat di antara jam 1.00 tengahari sehingga 2.00 petang; dan

**Ketiga** : Menyeragamkan waktu operasi perkhidmatan kaunter di semua jabatan dan agensi Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan dan Pihak Berkuasa Tempatan.

**Yang Berhormat Datuk Speaker,**

35. Sekiranya usaha-usaha penambahbaikan tersebut berjalan dengan baik dan lancar, insya-Allah pada masa hadapan Kerajaan Negeri dengan perkenan Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Ismail, Pemangku Sultan Johor dan restu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim bersedia untuk mempertimbangkan cadangan perubahan waktu bekerja kepada 4 hari setengah tanpa mengurangkan keseluruhan tempoh jam bekerja bagi sektor awam.

**Yang Berhormat Datuk Speaker,**

36. Menjunjung titah **Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim**, inisiatif kedua, sebanyak **RM 1.3 juta** diperuntukkan bagi **JOHOR VOLUNTEERS FORCES, JVF** yang akan menjadi platform kepada seluruh penjawat awam negeri Johor untuk menerima latihan kesukarelawanan bagi pengurusan kecemasan dan bencana.

37. Inisiatif ketiga, sebanyak **RM 37 juta** diperuntukkan bagi **PELAKSANAAN SISTEM SARAAAN PERKHIDMATAN AWAM, SSPA** yang selari dengan pengumuman Kerajaan Persekutuan. Melalui inisiatif ini, penjawat awam akan menerima kenaikan gaji sebanyak lapan peratus mulai 1 Disember 2024 dan seterusnya kenaikan tujuh peratus lagi mulai 1 Januari 2026.
38. Inisiatif keempat, sebanyak **RM 2.5 juta** pula diperuntukkan bagi **SUMBANGAN BANTUAN PEGAWAI DAERAH**. Ini adalah peningkatan sebanyak **RM 500 ribu** berbanding tahun 2024.
39. Inisiatif kelima, sejumlah **RM 14.9 juta** diperuntukkan bagi **GERAN KESEIMBANGAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)** bagi menampung keperluan PBT-PBT yang mempunyai sumber hasil yang terhad.

**Yang Berhormat Datuk Speaker,**

40. Inisiatif keenam, sebanyak **RM 81.5 juta** diperuntukkan bagi **PROJEK PEMBINAAN PUSAT PENTADBIRAN BARU DAERAH KLUANG**.
41. Inisiatif ketujuh, sebanyak **RM 4.8 juta** pula diperuntukkan untuk **MENAIK TARAF PTG JOHOR DENGAN PERTAMBAHAN 9 KAUNTER PERKHIDMATAN** bagi meningkatkan bilangan urusan perserahan. Inisiatif ini bukan sahaja akan dapat meningkatkan kualiti perkhidmatan kaunter di PTG, tetapi juga dapat mempercepatkan serta **meningkatkan terimaan hasil negeri bagi transaksi berkaitan hakmilik strata daripada RM 48 juta kepada RM 120 juta setahun**.
42. Inisiatif kelapan adalah **PELAKSANAAN CUKAI PETAK BAGI HAKMILIK STRATA**. Inisiatif baru ini akan membolehkan pemilik hartanah berstrata untuk terus membayar cukai petak di Pejabat-Pejabat Tanah berbanding pada masa ini, cukai dibayar kepada JMB atau MC. Bagi menyokong inisiatif ini, Kerajaan

Negeri bersetuju memberikan **rebat 20 peratus** ke atas jumlah cukai petak 2025 yang dijelaskan sebelum 31 Mei 2025.

43. Inisiatif kesembilan, sejumlah **RM 500 ribu** diperuntukkan bagi **GALAKAN BAYARAN CUKAI TANAH SECARA ATAS TALIAN**. Melalui inisiatif ini, pemilik tanah yang membayar cukai secara atas talian berpeluang memenangi cabutan bertuah yang menawarkan jongkong emas, telefon pintar dan motosikal Yamaha *YSuku*.
44. Inisiatif kesepuluh, sebanyak **RM 300 ribu** diperuntukkan bagi **PENYEDIAAN KAUNTER BERGERAK UNTUK PENTADBIRAN TANAH JOHOR**.
45. Inisiatif kesebelas, sebanyak **RM 1.55 juta** pula diperuntukkan bagi **MENYEDIAKAN PORTAL SISTEM PENDAFTARAN TANAH BERKOMPUTER (SPTB) DAN E-SERAHAN**. Inisiatif baru ini bagi membolehkan permohonan carian hakmilik, kebenaran pindahmilik (*consent*) dan serahan urusan niaga serta bukan urusan niaga dilaksanakan secara dalam talian.
46. Inisiatif kedua belas, sejumlah **RM 480 ribu** diperuntukkan bagi **PEMBANGUNAN SISTEM PENGURUSAN TANAH SERAH BALIK KURNIA SEMULA (E-SBKS)**. Ini juga merupakan inisiatif baru untuk meningkatkan tahap kecekapan dan kepantasan proses kelulusan pembangunan tanah.

**Yang Berhormat Datuk Speaker,**

47. Setiap hari saya menerima aduan daripada rakyat melalui laman media sosial berkenaan masalah yang mereka hadapi. Antaranya jalan berlubang, lampu jalan tak hidup, fasiliti kesihatan yang uzur, longkang dan parit tidak diselenggara dan banyak lagi. Ibarat mencurahkan air ke daun keladi, rayuan mereka seperti tidak diendahkan oleh pihak yang berwajib. Sehingga ada yang merayu untuk saya datang buat spotcheck. Banyak kali rakyat buat aduan tetapi tidak ada tindakan ataupun maklumbalas. Oleh itu, bagi memastikan setiap aduan yang diterima, disalurkan, diselesaikan

dan diberikan maklum balas dengan efisien, Kerajaan Negeri akan melaksanakan;

48. Inisiatif ketiga belas, sebanyak **RM 1.5 juta** diperuntukkan bagi **PENYEDIAAN PUSAT ADUAN BERSEPADU NEGERI JOHOR** secara berfasa. Inisiatif ini akan **membolehkan rakyat mengutarakan aduan dan diterima oleh Kerajaan secara *real-time* dan berpusat**. Aduan yang diterima ini pula akan disalurkan kepada agensi yang berkenaan untuk di ambil tindakan segera dan memberi maklum balas kepada pengadu. Inisiatif ini akan dipantau sendiri oleh Pejabat Menteri Besar.
49. Inisiatif keempat belas adalah **PENYEDIAAN PELAN INDUK GEOSPATIAL** sebagai dasar utama perkongsian data dari pelbagai jabatan dan agensi Kerajaan Negeri.
50. Inisiatif kelima belas, sebanyak **RM 700 ribu** pula diperuntukkan bagi **PENGGUNAAN TEKNOLOGI AI** dengan kerjasama Perbadanan Kemajuan Perumahan Negeri Johor, PKPJ. Inisiatif ini bertujuan mempercepat proses saringan permohonan Perumahan Rakyat, Rumah Mampu Milik, dan hartanah bumiputera, di samping meningkatkan ketepatan, kepantasan, dan kecekapan kos dengan menilai data secara objektif dan automatik dalam skala besar.
51. Inisiatif keenam belas, sejumlah **RM 12.8 juta** diperuntukkan untuk **CARUMAN PERUBATAN KEPADA PENJAWAT AWAM NEGERI JOHOR** iaitu pertambahan sebanyak **RM 2 juta** berbanding tahun 2024.
52. Inisiatif ketujuh belas, sebanyak **RM 1.2 juta** diperuntukkan bagi **SKIM TAKAFUL CUEPACS CARE** yang memanfaatkan penjawat awam dan ahli keluarga mereka.
53. Inisiatif kelapan belas, sebanyak **RM 600 ribu** pula diperuntukkan bagi melaksanakan **PROGRAM HEAL *EMPOWER RESILIENCE***

bagi mempromosi gaya hidup sihat dan sejahtera emosi meliputi kesihatan fizikal dan kesihatan mental.

54. Inisiatif kesembilan belas, sejumlah **RM 800 ribu** diperuntukkan untuk meneruskan kerjasama dengan Kumpulan Perubatan Johor (KPJ) bagi **PROGRAM JOHOR SIHAT** khusus untuk penjawat awam Negeri Johor melakukan pemeriksaan kesihatan.
55. Inisiatif kedua puluh, sebanyak **RM 200 ribu** diperuntukkan bagi melaksanakan **PROGRAM SELUHUR KASIH** untuk menyantuni penjawat awam dan pesara yang kurang bernasib baik.
56. Inisiatif kedua puluh satu adalah pelaksanaan **PENAMBAHBAIKAN MODUL I-PSIKOLOGI** untuk meningkatkan kesedaran kepentingan kesihatan mental.

**Yang Berhormat Datuk Speaker,**

57. Inisiatif kedua puluh dua, sebanyak **RM 127 ribu** diperuntukkan bagi **CARUMAN SKIM KESELAMATAN SOSIAL PEKERJAAN SENDIRI (SKSPS) PERKESO**. Inisiatif baru ini akan memanfaatkan semua Ketua Kampung dan Ketua Masyarakat.
58. Inisiatif kedua puluh tiga, sebanyak **RM 150 ribu** pula diperuntukkan bagi **KURSUS PENINGKATAN PROFESIONALISME INSTITUSI PEMIMPIN** akar umbi melibatkan Ketua Kampung dan Ketua Masyarakat.
59. Inisiatif kedua puluh empat, sejumlah **RM 120 ribu** diperuntukkan untuk pemberian **GERAN PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN PERSATUAN KETUA KAMPUNG NEGERI DAN DAERAH**.
60. Inisiatif kedua puluh lima, sebanyak **RM 150 ribu** diperuntukkan bagi **PENGANJURAN KONVENSYEN AHLI MAJLIS PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)**.

**Yang Berhormat Datuk Speaker,**

61. Bagi **PEMBANGUNAN KAPASITI PENJAWAT AWAM**, Akademi Perkhidmatan Tadbir Negeri Johor atau Akademi JCS telahpun melaksanakan lebih 100 program pengukuhan kompetensi dan kepakaran penjawat awam melalui kerjasama strategik pelbagai institusi dalam dan luar negara. Justeru, Akademi JCS akan terus memainkan peranan penting dalam meningkatkan kecekapan perkhidmatan awam serta menjayakan agenda Maju Johor melalui program berikut;
62. Inisiatif kedua puluh enam, sebanyak **RM 1.8 juta** diperuntukkan untuk melaksanakan **15 PROGRAM PENINGKATAN KEMAHIRAN** untuk pelbagai kumpulan pelaksana.
63. Inisiatif kedua puluh tujuh, sebanyak **RM 1.43 juta** pula diperuntukkan untuk menjalankan **PROGRAM DIPLOMA DAN SIJIL PROFESIONAL** dengan kerjasama Institusi Pendidikan Tinggi serta Program Route To Professional Certification bagi *Technologists* (Ts.) dan *Technicians* (Tc.) dengan kerjasama M-BOT.
64. Inisiatif kedua puluh lapan, sejumlah **RM 770 ribu** diperuntukkan bagi mengadakan **KURSUS KEPIMPINAN PEGAWAI KANAN** di Institusi Pengajian Tinggi terkemuka dunia.
65. Inisiatif kedua puluh sembilan, sebanyak **RM 1.4 juta** diperuntukkan bagi **PROGRAM SARJANA DAN PHD** untuk Kumpulan Pengurusan dan Profesional termasuk program di bawah tajaan Majlis Agama Islam Johor.

**Yang Berhormat Datuk Speaker,**

66. Inisiatif ketiga puluh adalah **MEMPERKUKUH TADBIR URUS SYIAR ISLAM**. Majlis Agama Islam Negeri Johor akan mencapai usia 100 tahun pada tahun 2025. Selaras dengan usia yang bakal mencecah satu abad, MAIJ terus berkembang dalam pelbagai aspek pengurusan dan fungsinya terutama dalam urusan berkaitan zakat, baitulmal dan wakaf selaras Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Johor 2003.



67. Alhamdulillah, sehingga bulan Oktober 2024, kutipan zakat sebanyak **RM 286.7 juta** telah dikutip oleh MAIJ dan insya-Allah jumlah kutipan diunjurkan akan mencecah **RM 400 juta** menjelang penghujung tahun ini. Keseluruhan terimaan zakat ini akan diagihkan dengan adil, saksama serta telus kepada golongan yang berkelayakan di samping mempertingkatkan lagi syiar Islam.
68. Pada tahun **2025**, MAIJ telah mensasarkan kutipan zakat sebanyak **RM 423 juta** dan akan diagihkan pada tahun yang sama.
69. Bagi terus menyemarakkan syiar zakat ini, saya menyeru kepada semua umat Islam di negeri Johor agar terus menunaikan kewajipan berzakat di samping menyumbang kepada saham-saham wakaf melalui MAIJ dan nazir khas lantikan MAIJ.
70. Dalam masa yang sama, Kerajaan Negeri dan MAIJ juga akan melaksanakan;
71. Inisiatif ketiga puluh satu, sebanyak **RM 2.8 juta** diperuntukkan bagi meneruskan **PROGRAM SEMARAK SUBUH** yang dilaksanakan di setiap 56 DUN berbanding **RM 1.4 juta** pada tahun ini. Menyedari keberkatan dan impak positif solat Subuh berjemaah ini, untuk tahun 2025, Program Semarak Subuh akan dilaksanakan **dua kali seminggu**.
72. Inisiatif ketiga puluh dua, sebanyak **RM 18.1 juta** diperuntukkan bagi **KENAIKAN 100 PERATUS ELAUN PEGAWAI MASJID DAN SURAU** yang dibayar oleh Kerajaan Negeri. Untuk makluman, kali terakhir elaun ini dinaikkan adalah 12 tahun yang lalu.
73. Inisiatif ketiga puluh tiga, sebanyak **RM 3.5 juta** juga diperuntukkan bagi pemberian **INSENTIF ONE OFF** sebanyak **RM 500** kepada **6,970 Pegawai Masjid dan Surau Negeri Johor**

serta akan dipanjangkan kepada **56 Penggerak DUN** yang akan dibayar pada bulan Mac 2025.

74. Inisiatif ketiga puluh empat, sejumlah **RM 4.7 juta** diperuntukkan bagi **PENGISIAN SERAMAI 300 ORANG GURU BARU DI SEKOLAH AGAMA KERAJAAN JOHOR** bagi meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran serta mengurangkan beban tugas.

**Yang Berhormat Datuk Speaker,**

75. Inisiatif ketiga puluh lima, sebanyak **RM 8.9 juta** diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri dan MAIJ bagi **BANTUAN ONE-OFF BILIK GURU** untuk **1,779 buah** Sekolah Kebangsaan, Sekolah Menengah Kebangsaan, Sekolah Agama Kerajaan Johor, SJKC dan SJKT di seluruh negeri Johor.
76. Inisiatif ketiga puluh enam, sebanyak **RM 100 ribu** diperuntukkan bagi **PELAKSANAAN MODUL PENGUKUHAN INTEGRITI DAN ANTI RASUAH.**
77. Inisiatif ketiga puluh tujuh adalah pelaksanaan **MESYUARAT TINDAKAN DUN (MTD)** yang akan diteruskan bagi memperkukuhkan lagi tadbir urus peringkat akar umbi dan seterusnya mempercepatkan penyelesaian isu-isu berskala kecil yang dibangkitkan oleh rakyat.
78. Inisiatif ketiga puluh lapan pula, sejumlah **RM 300 ribu** telah diperuntukkan bagi **INVEST MALAYSIA FACILITATION CENTRE JOHOR, IMFC-J.** IMFC-J akan berperanan sebagai **PUSAT SEHENTI PELABURAN NEGERI JOHOR** dengan melibatkan kerjasama erat semua agensi Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri yang berkaitan pelaburan serta PBT.
79. Kerajaan Negeri juga akan memperkenalkan **Johor Super Lane** atau **JSL** di **IMFC-J** sebagai sebuah platform penyeragaman proses dan peningkatan *ease of doing business* di JS-SEZ.

80. JSL adalah manifestasi penambahbaikan kepada inisiatif *Kulai Fast Lane* (KFL), yang telah menjadi tanda aras, rujukan dan ikutan PBT lain di Johor dan juga PBT di beberapa negeri lain seperti Melaka dan Selangor. Malah perkara ini disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapan Belanjawan 2025.
81. Antara penambahbaikan yang signifikan melalui pelaksanaan JSL adalah penjimatan masa sebanyak 2 tahun kepada proses pemajuan tanah yang belum mempunyai Kebenaran Merancang Susun Atur yang dipendekkan daripada 37 bulan kepada **13 bulan** sahaja.
82. Bahkan lesen operasi perniagaan akan dikeluarkan dalam tempoh **satu jam** sahaja selepas CCC dikemukakan.
83. Inisiatif ketiga puluh sembilan adalah penubuhan **MAJLIS PEMBANGUNAN BAKAT NEGERI JOHOR** atau juga dikenali sebagai *Johor Talent Development Council* (JTDC) yang telah dilancarkan secara rasminya oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, Timbalan Perdana Menteri Malaysia. JTDC akan menjadi tonggak bagi usaha menampung keperluan bakat dan tenaga kerja mahir dalam kalangan orang muda yang diperlukan oleh industri selari dengan pelaksanaan JS-SEZ.
84. Inisiatif keempat puluh adalah mewujudkan **JAWATANKUASA PILIHAN ZON EKONOMI KHAS JOHOR-SINGAPURA**. Inisiatif ini bagi meningkatkan penglibatan Ahli-Ahli Yang Berhormat rentas parti yang berperanan mengkaji keberkesanan serta mencadangkan penambahbaikan yang boleh diambil oleh agensi yang berkaitan dalam memastikan JS-SEZ, IMFC-J dan JTDC memberi manfaat yang optimum kepada Bangsa Johor.
85. Inisiatif keempat puluh satu, sebanyak **RM 800 ribu** diperuntukkan bagi **PELAN KEMAJUAN HALAL NEGERI JOHOR 2030** dengan kerjasama Perbadanan Islam Johor

Holdings (PIJH) yang akan dilancarkan pada tahun 2025 untuk merencanakan industri halal Johor khususnya di dalam JS-SEZ.

86. Inisiatif keempat puluh dua adalah **REJUVENASI BADAN BERKANUN NEGERI (BBN) DAN SYARIKAT BERKAITAN KERAJAAN (GLC) NEGERI JOHOR**. Inisiatif ini bagi memastikan tiada pertindihan fungsi di samping membangunkan kerjasama strategik dan sinergi dalam memastikan agensi-agensi berkenaan terus kekal berdaya saing dan menepati objektif penubuhan.

**Yang Berhormat Datuk Speaker,**

87. Inisiatif keempat puluh tiga adalah **MENINGKATKAN TERIMAAN HASIL NEGERI**. Kepesatan pembangunan ekonomi Negeri Johor juga seharusnya diterjemahkan kepada peningkatan terimaan hasil Kerajaan Negeri. Pertambahan hasil akan membolehkan lebih banyak program dilaksanakan dan lebih banyak bantuan kepada Bangsa Johor disalurkan. Justeru kajian serta usaha pertambahan hasil negeri akan dilaksanakan, antaranya termasuklah;

**Pertama** : Semakan Semula Jadual 6 Kaedah-Kaedah Tanah Johor 1966;

**Kedua** : Memperkasa penguatkuasaan atas pencerobohan tanah kerajaan dan pelanggaran syarat tanah;

**Ketiga** : Pengenaan Caj Penggunaan Tanah Kerajaan bagi tujuan laluan utiliti;

**Keempat** : Pengenalan Fi Kembara bagi penghuni bilik-bilik hotel; dan

**Kelima** : Pemeriksaan GLC dan penetapan dividen tahunan daripada GLC Negeri Johor dengan kadar minimum 10 peratus daripada keuntungan selepas cukai.

**TERAS KEDUA: PEMBANGUNAN EKONOMI**

**Yang Berhormat Datuk Speaker,**

88. Teras kedua adalah **PEMBANGUNAN EKONOMI**.

*Negeri Johor Teguh Berdiri,  
Merah dan Biru Kibaran Bendera,  
Kemajuan Ekonomi Wawasan Negeri,  
Nadi Kemajuan Rakyat Sejahtera.*

89. Dalam landskap global yang kian pantas berubah, Johor mesti terus mempertingkatkan daya saing ekonomi, memperkasa sektor strategik seterusnya memastikan kemakmuran dapat dinikmati secara inklusif. Hari ini kita berikrar untuk melakar masa depan yang lebih cerah dengan dasar-dasar yang lebih progresif, pelaburan yang berimpak tinggi serta inovasi yang didukung oleh bakat-bakat tempatan. Insya-Allah, Johor akan menjadi medan kepada pelbagai limpahan peluang - sebuah negeri yang bukan sahaja mampu bersaing tetapi juga gah sebagai gerbang ekonomi serantau.
90. Justeru, bagi tujuan memperkasa sektor ekonomi, Kerajaan Negeri akan melaksanakan **52 Inisiatif** menerusi kerjasama pelbagai agensi.
91. Inisiatif pertama adalah **MEMANFAATKAN ZON EKONOMI KHAS JOHOR-SINGAPURA (JS-SEZ) DAN ZON KEWANGAN KHAS FOREST CITY (FC-SFZ)**.
92. Melalui Belanjawan 2025, Kerajaan Persekutuan memperuntukkan dana pemudahcara bagi penyediaan infrastruktur di dalam kawasan pembangunan JS-SEZ dan tambahan dari itu, sejumlah **RM 180 juta** diperuntukkan bagi kerja-kerja menaik taraf infrastruktur **Bangunan Sultan Iskandar (BSI) dan Kompleks Sultan Abu Bakar (KSAB)**.

93. Inisiatif kedua, sebanyak **RM 2.1 juta** diperuntukkan bagi pelaksanaan **MISI GALAKAN PELABURAN DAN MEMPERKUKUH HUBUNGAN JARINGAN PELABURAN**.
94. Inisiatif ketiga, sebanyak **RM 300 ribu** pula diperuntukkan bagi **MEMPROMOSI JOHOR SEBAGAI DESTINASI UTAMA PELABURAN** dengan memperkenalkan *Invest Johor Transformation Initiative*.
95. Inisiatif keempat, **PENGANJURAN NIKKEI FORUM ASIA 2025** dengan kerjasama erat Kerajaan Negeri, IIB dan Nikkei Inc., sebuah organisasi media terkemuka dari Jepun. Forum ini akan menghimpunkan kira-kira 500 pemimpin industri, pakar teknologi dan pelabur antarabangsa untuk membincangkan isu-isu kritikal berkaitan ekonomi digital, inovasi teknologi dan pembangunan mampan di ASIA.
96. Inisiatif kelima, **MEMPERKASA EKOSISTEM STARTUP**. Inisiatif ini merupakan komitmen Kerajaan Negeri untuk membangunkan ekosistem yang kondusif bagi syarikat *startup* dengan menyediakan pelbagai inisiatif termasuk akses kepada ruang kerja bersama, program bimbingan usahawan serta meneroka kerjasama strategik dengan pelabur, institusi kewangan dan universiti.
97. Inisiatif keenam, sejumlah **RM 100 ribu** diperuntukkan bagi melaksanakan program **KOLABORASI BERSEPADU BERSAMA PIHAK INDUSTRI DAN PEMBUAT DASAR** untuk memperkukuh dasar serta strategi pelaburan negeri.
98. Inisiatif ketujuh, sejumlah **RM 20 juta** diperuntukkan bagi **PENYEDIAAN LATIHAN PENINGKATAN KEMAHIRAN DAN PRODUKTIVITI**. Ini adalah hasil kerjasama JTDC dengan HRD Corp.
99. Inisiatif kelapan, sebanyak **RM 3 juta** diperuntukkan bagi **PEMBANGUNAN BAKAT PRO-MAHIR JOHOR**. Program ini

menyediakan latihan kemahiran jangka masa pendek dalam sektor berkemahiran tinggi dengan jaminan pekerjaan selepas tamat kursus.

100. Inisiatif kesembilan, sebanyak **RM 1 juta** pula diperuntukkan bagi **GERAK KERJAYA JOHOR & EKSPLO TVET 2025**.

**Yang Berhormat Datuk Speaker,**

101. Dalam ucapan Belanjawan Johor tahun 2024, saya telah mengumumkan tahun 2026 sebagai Tahun Melawat Johor dengan menyasarkan kedatangan seramai 12 juta pelancong ke negeri ini.

102. Pada kesempatan ini, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan atas peruntukkan sebanyak **RM 20.4 juta** yang disalurkan kepada negeri Johor bagi projek baru, menaik taraf produk pelancongan di **Taman Negara Tanjung Piai, Pontian dan Pembangunan Semula Pantai Air Papan, Mersing**.

103. Kerajaan Negeri juga bersama Pihak Berkuasa Tempatan, Tourism Johor, Perbadanan Taman Negara Johor dan lain-lain agensi berkaitan akan terus memberi tumpuan kepada penyediaan produk-produk pelancongan yang berkualiti tinggi di samping menganjurkan pelbagai acara berprestij bagi memperkukuh daya tarikan Johor sebagai destinasi utama pilihan pelancong.

104. Inisiatif kesepuluh, Menjunjung titah Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Ismail, Pemangku Sultan Johor bagi **PEMBUKAAN TAMAN BOTANI DIRAJA, ISTANA BESAR DAN BANGUNAN SULTAN IBRAHIM DI BUKIT TIMBALAN**, sebanyak **RM 6.8 juta** diperuntukkan bagi kerja-kerja menaiktaraf sebelum ianya dibuka kepada umum pada tahun 2025.

105. Inisiatif kesebelas, sebanyak **RM 5 juta** diperuntukkan bagi **MENAİK TARAF ZOO JOHOR BAGI FASA 2**.

106. Inisiatif kedua belas, sebanyak **RM 7 juta** diperuntukkan bagi **KERJA-KERJA RESTORASI MUZIUM TOKOH.**
107. Inisiatif ketiga belas, sebanyak **RM 10 juta** pula diperuntukkan bagi **PEMBANGUNAN PUSAT REKREASI SUNGAI LEBAM, KOTA TINGGI.**
108. Inisiatif keempat belas, sejumlah **RM 6.95 juta** diperuntukkan untuk **MENAIK TARAF KEMUDAHAN TAMAN-TAMAN NEGARA DI JOHOR** meliputi Taman Negara Gunung Ledang, Taman Negara Endau-Rompin, Taman Negara Tanjung Piai dan Taman Negara Pulau Kukup.
109. Inisiatif kelima belas, **RM 300 ribu** diperuntukkan bagi **MENAIK TARAF KEMUDAHAN PELANCONGAN PANTAI SERI MENANTI, MUAR.**
110. Inisiatif keenam belas, sebanyak **RM 200 ribu** pula diperuntukkan bagi **MEMBINA DATARAN TERBUKA DI PANTAI LEKA, PARIT JAWA, MUAR.**
111. Inisiatif ketujuh belas, sebanyak **RM 200 ribu** diperuntukkan bagi **MENAIK TARAF TAMAN BOTANI SERI MEDAN, BATU PAHAT.**
112. Inisiatif kelapan belas, sejumlah **RM 300 ribu** pula diperuntukkan bagi **MENAIK TARAF TAPAK PERKHEMAHAN PANTAI MINYAK BEKU, BATU PAHAT.**
113. Inisiatif kesembilan belas, sejumlah **RM 2.2 juta** diperuntukkan untuk **MENAIK TARAF TAMAN EKO RIMBA** antaranya di Taka Melor - Segamat, Teluk Arong - Mersing dan Gunung Pulai - Kulai.
114. Inisiatif kedua puluh, sebanyak **RM 5.5 juta** diperuntukkan **MENAIK TARAF KAWASAN SARANG BUAYA, PASIR GUDANG.**



115. Inisiatif kedua puluh satu, sebanyak **RM 1.5 juta** pula diperuntukkan bagi **MEMBINA PERKAMPUNGAN SERAMIK, PASIR GUDANG**.
116. Inisiatif kedua puluh dua, sejumlah **RM 800 ribu** diperuntukkan bagi **MENAIK TARAF DAN MEMBINA MERCU TANDA** di dalam kawasan pentadbiran daerah Pontian.
117. Inisiatif kedua puluh tiga, sebanyak **RM 300 ribu** diperuntukkan untuk **MENAIK TARAF DAN MEMPROMOSI KAMPUNGSTAY, TELUK BUIH MERSING**.
118. Inisiatif kedua puluh empat, sejumlah **RM 300 ribu** juga diperuntukkan bagi **MEMBINA BARU PUSAT REKREASI DI SUNGAI TRIANG BESAR, MERSING**.
119. Inisiatif kedua puluh lima, sejumlah **RM 200 ribu** diperuntukkan bagi **MENAIK TARAF PINTU GERBANG, KAMPUNG SRI GUNUNG PULAI, KULAI**.
120. Inisiatif kedua puluh enam, sebanyak **RM 200 ribu** diperuntukkan untuk **MENAIK TARAF MUZIUM LAYANG-LAYANG, PASIR GUDANG**.
121. Inisiatif kedua puluh tujuh, sejumlah **RM 3.7 juta** disediakan bagi **PENGANJURAN ACARA-ACARA PELANCONGAN BERTARAF ANTARABANGSA**. Antaranya termasuklah ASEAN Tourism Forum di Johor bersempena dengan Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025, penganjuran Wonderful Nusantara Festival, Desaru International Bike Week dan Johor International World Chef Championship.
122. Inisiatif kedua puluh lapan, sejumlah **RM 7.2 juta** diperuntukkan bagi pelaksanaan pelbagai **PROMOSI DAN PUBLISITI TAHUN MELAWAT JOHOR 2026**. Ini termasuk Majlis Pelancaran Tahun Melawat Johor 2026 yang akan diadakan pada pertengahan

tahun 2025 dan *kick-off* Tahun Melawat Johor yang akan diadakan pada ambang tahun 2026.

123. Inisiatif kedua puluh sembilan, sebanyak **RM 1 juta** diperuntukkan bagi **MENAIK TARAF KEMUDAHAN DI SEKOLAH HOSPITALITI DAN PELANCONGAN, KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR (KYPJ)**.
124. Inisiatif ketiga puluh, sebanyak **RM 300 ribu** pula diperuntukkan bagi **LATIHAN SUMBER MANUSIA SEKTOR PELANCONGAN** termasuk Kursus *Nature Guide* Taman Negara.
125. Inisiatif ketiga puluh satu, sebanyak **RM 150 ribu** diperuntukkan untuk **PEMBANGUNAN INTERNATIONAL NETWORK FOR SUSTAINABLE TOURISM OBSERVATORIES (INSTO)** yang merupakan inisiatif pelancongan global bagi menyokong pembangunan pelancongan mampan dengan memantau kesan ekonomi, alam sekitar dan impak sosial terhadap destinasi setempat. Ini adalah program rintis antara Majlis Daerah Mersing dan United Nations Development Program (UNDP).
126. Inisiatif ketiga puluh dua, sebanyak **RM 812 ribu** diperuntukkan untuk **MERAKYATKAN SENI BUDAYA JOHOR** yang akan dilaksanakan menerusi Yayasan Warisan Johor. Melalui inisiatif ini, Kompleks Warisan Sultan Abu Bakar, Yayasan Warisan Johor (YWJ) akan mula dibuka pada hujung minggu bermula tahun 2025 bagi membolehkan Bangsa Johor dan pelancong yang datang menikmati persembahan kebudayaan Johor.
127. Inisiatif ketiga puluh tiga, sebanyak **RM 1 juta** diperuntukkan bagi **FESTIVAL ZAPIN RAKYAT JOHOR**. Inisiatif ini bertujuan untuk mengekal dan mengembangkan seni tarian zapin kepada segenap lapisan Bangsa Johor melalui penglibatan kumpulan sasar bermula daripada pra sekolah, sekolah rendah, menengah serta golongan belia dan dewasa.

128. Inisiatif ketiga puluh empat adalah **INSENTIF KHAS DUTI HIBURAN BAGI TAMAN TEMA**. Bagi menggalakkan pelaburan taman tema di negeri Johor di samping menarik lebih ramai pelancong domestik dan antarabangsa, Kerajaan Negeri bersetuju untuk menetapkan kadar duti hiburan untuk semua taman tema kepada **5 peratus secara kekal** mulai 1 Januari 2025 berbanding kadar 25 peratus yang ditetapkan pada masa ini.

**Yang Berhormat Datuk Speaker,**

129. Inisiatif ketiga puluh lima adalah tentang sektor pertanian, di mana sebanyak **RM 2 juta** diperuntukkan bagi **PEMBANGUNAN INDUSTRI SAWAH PADI DI NEGERI JOHOR** merangkumi kerja-kerja perluasan kawasan baharu sawah padi di Kahang seluas 10 hektar dan Sungai Balang seluas 27 hektar.

130. Inisiatif ketiga puluh enam, sebanyak **RM 12.3 juta** diperuntukkan bagi **PROJEK PEMBANGUNAN INDUSTRI SAYURAN** yang meliputi Perjanjian Strategik di antara FarmByte Sdn. Bhd., anak syarikat JCorp dengan AgroBank yang berjumlah RM 11.9 juta.

131. Inisiatif ketiga puluh tujuh, sebanyak **RM 38 juta** juga diperuntukkan bagi **PROJEK PEMBANGUNAN PERTANIAN LESTARI** yang merupakan projek usahasama FarmByte Sdn. Bhd. (Malaysia) dengan Archisen Pte. Ltd. (Singapore) di Iskandar Puteri.

132. Inisiatif ketiga puluh lapan, sebanyak **RM 800 ribu** diperuntukkan untuk **PROJEK PEMBANGUNAN INDUSTRI BUAH-BUAHAN**.

133. Inisiatif ketiga puluh sembilan, sebanyak **RM 600 ribu** diperuntukkan bagi **PROJEK PEMBANGUNAN DAN MEMPERKASA TAMAN KEKAL PENGELUARAN MAKANAN (TKPM) PERTANIAN**.

134. Inisiatif keempat puluh, sebanyak **RM 1.05 juta** diperuntukkan bagi melaksanakan **PROGRAM MEMPERKASA PERTANIAN MODEN DAN PINTAR**.
135. Inisiatif keempat puluh satu, sebanyak **RM 500 ribu** diperuntukkan bagi **PEMBANGUNAN DAN PERLUASAN INDUSTRI LADA HITAM DI NEGERI JOHOR**.
136. Inisiatif keempat puluh dua, sejumlah **RM 200 ribu** diperuntukkan bagi **PROJEK PEMBANGUNAN TANAMAN KONTAN**.
137. Inisiatif keempat puluh tiga, sejumlah **RM 200 ribu** diperuntukkan bagi **PROJEK PEMBANGUNAN INDUSTRI KELAPA**.

**Yang Berhormat Datuk Speaker,**

138. Inisiatif keempat puluh empat, sejumlah **RM 2.58 juta** diperuntukkan bagi **PEMBANGUNAN INDUSTRI TERNAKAN** untuk mengurangkan kebergantungan penggunaan daging import dan menambah pengeluaran tempatan termasuk meningkatkan pengeluaran tenusu.
139. Inisiatif keempat puluh lima, sebanyak **RM 1.65 juta** diperuntukkan bagi **PEMELIHARAAN SUMBER PERIKANAN DAN PEMBANGUNAN INDUSTRI AKUAKULTUR**. Inisiatif ini mensasarkan peningkatan 10 peratus unjuran hasil pengeluaran akuakultur daripada **29,000 Metrik Tan** bagi tahun 2024 kepada **32,000 Metrik Tan** bagi tahun 2025.
140. Inisiatif keempat puluh enam, sebanyak **RM 1.4 juta** diperuntukkan bagi **PEMERKASAAN INDUSTRI ASAS TANI DAN KEUSAHAWANAN TANI**.

**Yang Berhormat Datuk Speaker,**

141. Inisiatif keempat puluh tujuh pula adalah tentang keusahawanan, di mana sebanyak **RM 4.4 juta** diperuntukkan bagi meneruskan **SKIM PEMBIAYAAN PERUSAHAAN KECIL SEDERHANA (PKS) DAN MIKRO**.

142. Inisiatif keempat puluh lapan, sejumlah **RM 3 juta** diperuntukkan bagi **INSENTIF KHEMAH USAHAWAN MIKRO**.
143. Inisiatif keempat puluh sembilan, sebanyak **RM 2.5 juta** diperuntukkan bagi pemberian **INSENTIF USAHAWAN MAJU JOHOR**.
144. Inisiatif kelima puluh, sebanyak **RM 1.8 juta** diperuntukkan untuk **PROGRAM PENGEMBANGAN PRODUK USAHAWAN**.
145. Inisiatif kelima puluh satu, sebanyak **RM 1 juta** pula diperuntukkan bagi mengadakan program **DIDIK USAHAWAN BANGSA JOHOR**.
146. Inisiatif kelima puluh dua, sejumlah **RM 500 ribu** diperuntukkan bagi program **MENTOR-MENTEE YOUTH ENTREPRENEURSHIP**.

### **TERAS KETIGA: JARINGAN KESELAMATAN SOSIAL**

**Yang Berhormat Datuk Speaker,**

147. Kita beralih pula ke Teras Ketiga iaitu **JARINGAN KESELAMATAN SOSIAL**.

*Maju Johor Negeri Gemilang,  
Kebajikan Rakyat Jadi Juara,  
Jaringan Sosial Sentiasa Dijulang,  
Rakyat Terbela Hidup Sejahtera.*

148. Menjunjung titah Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Ismail, Pemangku Sultan Johor pada 9 Mei 2024 dalam Pembukaan Rasmi Persidangan Dewan Negeri Johor ke-15, untuk memastikan agar tiada seorang pun Ketua Isi Rumah Bangsa Johor yang berstatus miskin tegar pada 2025, sukacita patik maklumkan bahawa kesemua 4,378 Ketua Isi Rumah Miskin Tegar berdasarkan data pada Mac 2023 telah berjaya **disifarkan**

pada Julai 2024. Patik dan seluruh Bangsa Johor menjunjung setinggi-tinggi kasih kebawah Duli Yang Amat Mulia Pemangku Sultan Johor dan seluruh Keluarga DiRaja Johor atas keprihatinan terhadap Bangsa Johor yang berada dalam kesusahan.

**Yang Berhormat Datuk Speaker,**

149. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang terlibat dalam usaha membantu mensifarkan miskin tegar di Johor. Ini termasuklah JKM, MAIJ, Pegawai-pegawai Daerah, ADUN-ADUN, Ahli-ahli Majlis dan Ketua-ketua Masyarakat.
150. Namun demikian, usaha ini adalah usaha yang berterusan. Terdapat 235 permohonan baharu yang direkodkan antara Ogos sehingga Oktober tahun ini. Kerajaan Negeri komited untuk mensifarkan angka ini juga melalui pendekatan holistik, inklusif dan berfokus kepada peningkatan taraf hidup.
151. Kerajaan Negeri juga percaya bahawa tiada rakyat harus tercicir dari arus pembangunan. Melalui teras Jaringan Keselamatan Sosial, Kerajaan Negeri komited untuk memastikan setiap individu, terutama golongan rentan, memiliki perlindungan yang kukuh, akses kepada keperluan asas, dan peluang untuk meningkatkan kualiti hidup. Oleh itu, sebanyak **52 inisiatif** akan dilaksanakan bagi mensejahterakan kehidupan rakyat, seperti berikut:
152. Inisiatif pertama adalah **BANTUAN KEWANGAN BULANAN DAN BANTUAN AM**. Kerajaan Negeri menyambut baik pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia semasa Belanjawan 2025 untuk menaikkan kadar bantuan warga emas kepada RM 600 sebulan berbanding kadar semasa RM 500 dan bantuan kanak-kanak dengan kenaikan kepada RM 200 hingga RM 250 sebulan mengikut peringkat umur.

153. Justeru itu, sebanyak **RM 292.44 juta** telah diperuntukkan kepada Negeri Johor oleh **Kerajaan Persekutuan** dengan mengambil kira kenaikan kadar bantuan ini. Bagi menyahut saranan YAB Perdana Menteri, tambahan **RM 29.35 juta** akan diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri. Ini menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak **RM 321.79 juta** yang akan memberi manfaat kepada **232,503 orang penerima**.
154. Inisiatif kedua, sebanyak **RM 2.9 juta** pula diperuntukkan bagi meneruskan program **DAPUR KASIH KELUARGA ANGKAT** yang akan memanafaat sebanyak 2,416 Ketua Isi Rumah.
155. Inisiatif ketiga sebanyak **RM 6.6 juta** diperuntukkan bagi **JUALAN KASIH JOHOR**. Inisiatif ini akan dilaksanakan di 300 lokasi yang melibatkan 56 DUN dengan mensasarkan 1 juta penerima manfaat. Ini adalah peningkatan sebanyak **RM 1.6 juta** berbanding tahun 2024.
156. Inisiatif keempat, sejumlah **RM 1.8 juta** diperuntukkan bagi meneruskan program **ANAK ANGKAT MAKMUR JOHOR** untuk membela nasib 1,200 orang kanak-kanak dan remaja yang kehilangan ibu bapa akibat pandemik Covid-19.

**Yang Berhormat Datuk Speaker,**

157. Kerajaan Negeri menerusi Majlis Agama Islam Johor juga akan terus melaksanakan program **kebajikan ummah** sebagaimana berikut;
158. Inisiatif kelima, sebanyak **RM 78 juta** diperuntukkan bagi **BANTUAN SARA HIDUP** kepada 18,000 asnaf.
159. Inisiatif keenam, sebanyak **RM 18 juta** pula diperuntukkan bagi **BANTUAN HARI RAYA** kepada 88,000 penerima.
160. Inisiatif ketujuh, sejumlah **RM 3.6 juta** diperuntukkan bagi program **BELANJA DAPUR ASNAF** kepada 12,000 keluarga.

161. Inisiatif kelapan, sebanyak **RM 1 juta** diperuntukkan bagi **BANTUAN SEWA RUMAH** kepada 104 penyewa asnaf dengan kadar sewaan maksimum RM 800 sebulan.
162. Inisiatif kesembilan, sebanyak **RM 1 juta** pula diperuntukkan bagi **SKIM PERLINDUNGAN TAKAFUL DAN KHAIRAT** untuk 26,000 penerima.
163. Inisiatif kesepuluh, sejumlah **RM 68 juta** diperuntukkan bagi **BANTUAN DIALISIS DAN TAPAK FISTULA**.
164. Inisiatif kesebelas, sebanyak **RM 18.8 juta** diperuntukkan bagi **BANTUAN PERUBATAN BULANAN** kepada 3,000 orang asnaf.
165. Inisiatif kedua belas sebanyak **RM 4 juta** pula diperuntukkan bagi **BANTUAN PERUBATAN ONE-OFF**.
166. Inisiatif ketiga belas, sejumlah **RM 1 juta** diperuntukkan bagi **BANTUAN RAWATAN JANTUNG** di Institut Jantung Negara (IJN).
167. Inisiatif keempat belas, sebanyak **RM 1.5 juta** pula diperuntukkan bagi **MENAIK TARAF DAN MEMBAIK PULIH 27 BUAH TABIKA KEMAS** di kawasan kampung tradisi dan Kampung Orang Asli di seluruh negeri Johor.
168. Inisiatif kelima belas sejumlah **RM 400 ribu** diperuntukkan bagi **PEMBANGUNAN JAUHAR CHILD CARE CENTRE (JCCC)** di PPR Stulang, Johor.
169. Inisiatif keenam belas, sebanyak **RM 230 ribu** diperuntukkan bagi program **STAR RATING TASKA** untuk memastikan piawaian TASKA di negeri Johor berkualiti tinggi, bersih dan selamat untuk kanak-kanak.
170. Inisiatif ketujuh belas, sebanyak **RM 150 ribu** pula diperuntukkan bagi meneruskan program **CHILD SUPPORT TEAM**. Inisiatif ini



bertujuan untuk memberi latihan kepada individu, sukarelawan, komuniti dan pemimpin tempatan bagi meningkatkan kemahiran, pengetahuan dan komitmen dalam melindungi hak kanak-kanak.

**Yang Berhormat Datuk Speaker,**

171. Inisiatif kelapan belas, sejumlah **RM 1 juta** diperuntukkan bagi **SEKOLAH PENDIDIKAN KHAS CEREBRAL PALSY** untuk meningkatkan fasiliti, membeli peralatan khas, pengurusan serta mempertingkatkan kualiti pendidikan yang diterima oleh pelajar-pelajar istimewa ini.
172. Inisiatif kesembilan belas, sejumlah **RM 300 ribu** diperuntukkan bagi **PROGRAM MOBILITI KASIH OKU**. Inisiatif ini akan memanfaatkan **280 OKU** untuk menjalani saringan kesihatan supaya mereka seterusnya boleh mendapatkan lesen motor secara percuma.
173. Inisiatif kedua puluh sebanyak **RM 300 ribu** diperuntukkan bagi program **PEMULIHAN DAN KEMAHIRAN PELATIH OKU** kepada 200 OKU untuk menguatkan fizikal, kemahiran pertuturan dan kemahiran hidup di Pusat Kebajikan Pemulihan Dalam Komuniti (PKPDK).
174. Inisiatif kedua puluh satu, sebanyak **RM 110 ribu** pula diperuntukkan bagi program **DISABILITY EQUALITY TRAINING (DET) DAN KURSUS ASAS JOB COACH**. Inisiatif ini akan dilaksanakan dengan kerjasama majikan bagi membantu OKU memasuki pasaran pekerjaan.

**Yang Berhormat Datuk Speaker,**

175. Inisiatif kedua puluh dua, sejumlah **RM 1.5 juta** diperuntukkan bagi **PEMERKASAAN SOKONGAN EKONOMI WANITA** melalui bantuan peralatan perniagaan dan program pengukuhan kemahiran keusahawanan kepada 1,700 usahawan wanita.

176. Inisiatif kedua puluh tiga, sebanyak **RM 1 juta** diperuntukkan bagi program menyantuni **WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** di peringkat daerah dan DUN.
177. Inisiatif kedua puluh empat, sebanyak **RM 300 ribu** pula diperuntukkan bagi meneruskan program **WOMEN CANCER REPRODUCTIVE AWARENESS**.
178. Inisiatif kedua puluh lima, sejumlah **RM 1.9 juta** diperuntukkan bagi **MENAIK TARAF DAN MEMBAIK PULIH PREMIS** 29 Pusat Pemulihan Dalam Komuniti dan 9 Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) dan 1 RPKK di seluruh Negeri Johor.
179. Inisiatif kedua puluh enam, sebanyak **RM 350 ribu** diperuntukkan bagi **PENUBUHAN SKUAD MIND-X @ KOMUNITI** untuk memberikan khidmat bantuan sokongan sosial dan moral secara fizikal dan dalam talian khususnya bagi keluarga dalam senarai eKasih.

**Yang Berhormat Datuk Speaker,**

180. Inisiatif kedua puluh tujuh, sebanyak **RM 4 juta** pula diperuntukkan bagi program **JELAJAH DESA JOHOR** melibatkan 800 perkampungan tradisi, kampung orang asli dan Rancangan FELDA.
181. Inisiatif kedua puluh lapan, sejumlah **RM 300 ribu** diperuntukkan bagi **PROGRAM KEMASYARAKATAN** di 60 buah kampung Orang Asli Johor.
182. Inisiatif kedua puluh sembilan, sebanyak **RM 600 ribu** diperuntukkan bagi **BANTUAN KHAS KOMUNITI RUKUN TETANGGA (KRT)**.
183. Inisiatif ketiga puluh, sebanyak **RM 400 ribu** pula diperuntukkan bagi program **SINERGI ANAK JOHOR** bagi memperkasa perpaduan komuniti dalam kalangan Bangsa Johor.

184. Inisiatif ketiga puluh satu, sejumlah **RM 12 juta** diperuntukkan bagi **MENYANTUNI MASYARAKAT TIONGHOA DAN INDIA** melalui Yayasan Sultanah Fatimah, Yayasan Sultanah Rogayah dan NGO-NGO lain untuk memperluas jaringan bantuan kebajikan kepada golongan rentan dan memperkukuhkan kesejahteraan sosial. Ini termasuklah peruntukan sebanyak **RM 3 juta** bagi bantuan persekolahan yang akan memanfaatkan **6 ribu pelajar** Tionghoa dan India yang kurang berkemampuan dan **RM 1 juta** kepada Kolej Universiti Selatan yang akan memanfaatkan **500 pelajar**.

**Yang Berhormat Datuk Speaker,**

185. Kerajaan Negeri juga sering mendapat maklum balas daripada pelbagai pihak mengenai agenda perumahan mampu milik Johor. Isu ini turut menjadi topik hangat dalam kalangan Orang Muda Johor. Malah Kerajaan Negeri sering mendapat tohmahan kononnya **“Johor tidak ada rumah mampu milik”, “Harga rumah di Johor hanya mampu tengok”, “Rumah di Johor hanya untuk golongan kayangan”, dan sebagainya.**

186. Sekali lagi Kerajaan Negeri menerima semua pandangan ini dengan hati yang terbuka. Namun, suka saya kongsi, Kerajaan Negeri telah mensasarkan untuk 30 ribu unit rumah mampu milik dibina menjelang tahun 2026. Daripada angka tersebut, sebanyak 13,461 unit Rumah Mampu Milik Johor (RMMJ) telah siap dibina dari tahun 2022 hingga November 2024. Dan pada hari ini, bagi memperhebat agenda perumahan di negeri Johor, Kerajaan Negeri akan melaksanakan inisiatif-inisiatif seperti berikut;

187. Inisiatif ketiga puluh dua, sebanyak 8,021 unit **RUMAH MAMPU MILIK JOHOR (RMMJ)** disasarkan dibina pada tahun 2025 di semua daerah melalui kerjasama Kerajaan Negeri dan pemaju swasta.

188. Inisiatif ketiga puluh tiga, sebanyak **RM 225 juta** diperuntukkan bagi pembangunan **RUMAH RESIDENSI BANGSA JOHOR (RBJ)** meliputi 432 unit di Jalan Ibrahim, Pontian dan 257 unit di Sri Menanti, Muar dengan kerjasama PIJH.
189. Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Kemajuan Perumahan Negeri Johor, PKPJ akan terus meningkatkan kualiti kehidupan komuniti PPR dan flat awam, melalui:
190. Inisiatif ketiga puluh empat, sebanyak **RM 41.6 juta** diperuntukkan bagi **PENYELENGGARAAN FASILITI PERUMAHAN** melibatkan lebih 14,000 unit di 12 PPR dan 7 RSK.
191. Inisiatif ketiga puluh lima, sebanyak **RM 14 juta** diperuntukkan bagi **PENGURUSAN EJEN FASILITI** untuk meningkatkan kecekapan pengurusan dan penyelenggaraan.
192. Inisiatif ketiga puluh enam, sebanyak **RM 10 juta** pula diperuntukkan bagi **REJUVENASI FLAT AWAM NEGERI JOHOR** di Rumah Pangsa Bandar Penggaram, Batu Pahat serta Pangsapuri EDL dan Pangsapuri Saujana, Johor Bahru.
193. Inisiatif ketiga puluh tujuh, sejumlah **RM 6.65 juta** diperuntukkan bagi **RUMAH TRANSIT BANGSA JOHOR (RTBJ)** melibatkan 60 unit di Taman Penawar, Kota Tinggi dan 71 unit di Taman Nusa Sentral, Johor Bahru.
194. Inisiatif ketiga puluh lapan, sebanyak **RM 36.15 juta** diperuntukkan bagi **PEMBANGUNAN RUMAH KASIH JOHOR (RKJ)** dengan penyediaan 328 unit rumah baru oleh PKPJ, MAIJ, Waqaf An-Nur dan KKDW.
195. Inisiatif ketiga puluh sembilan, sejumlah **RM 2.24 juta** diperuntukkan bagi **PROGRAM RUMAH PRIHATIN JOHOR (RPJ)**. Sebanyak 112 unit RPJ akan dibina dengan kos antara RM 75 hingga 95 ribu seunit. Bagi menyempurnakan inisiatif ini, PKPJ akan menampung kos tambahan penyediaan infrastruktur

sehingga RM 20 ribu seunit. Dalam masa yang sama, SPNB akan memberikan subsidi RM 20 ribu seunit. Ini menjadikan harga jualan RPJ hanyalah RM 55 ribu seunit.

196. Inisiatif keempat puluh, sebanyak **RM 14.15 juta** pula diperuntukkan bagi **PROGRAM BAIK PULIH RUMAH** yang akan memanfaatkan 795 keluarga miskin dan miskin tegar.
197. Inisiatif keempat puluh satu, sebanyak **RM 2 juta** diperuntukkan bagi **PENGANJURAN EKSPLO HARTANAH JOHOR (JPEX)**.
198. Inisiatif keempat puluh dua, sebanyak **RM 600 ribu** pula diperuntukkan bagi **PROGRAM PKPJ PROPERTY ROADSHOW 2025**. Program ini akan membantu rakyat mendapatkan informasi, pendaftaran terbuka akaun e-rumah, tawaran terus pembelian hartanah dan konsultasi pemaju.

**Yang Berhormat Datuk Speaker,**

199. Walaupun fasiliti kesihatan adalah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri mengambil pendekatan '*Whole-of-Government Approach*' bagi menyelesaikan setiap isu yang melibatkan kesejahteraan dan kesihatan Bangsa Johor.
200. Sebagai kerajaan yang sentiasa berusaha memahami kesukaran dan denyut nadi rakyat, kita tidak akan membiarkan fasiliti kesihatan yang uzur, sesak, dan tidak mencukupi menjadi penghalang kepada rakyat untuk mendapat rawatan yang mereka perlukan. Atas sebab itu, Kerajaan Negeri dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia akan terus melipat gandakan usaha untuk menaik taraf infrastruktur kesihatan di negeri ini. Justeru;
201. Inisiatif keempat puluh tiga, sebanyak **RM 1.2 juta** diperuntukkan bagi **BANTUAN MENAIKTARAF FASILITI DI KESEMUA 12 WAD KECEMASAN HOSPITAL KERAJAAN** di negeri Johor.

202. Inisiatif keempat puluh empat, sebanyak **RM 4 juta** diperuntukkan bagi **BANTUAN MENAIKTARAF FASILITI DI KLINIK KESIHATAN**. Inisiatif ini melibatkan **Klinik Kesihatan Gelang Patah, Klinik Kesihatan Majidee, Klinik Kesihatan Tebrau dan Klinik Kesihatan Kulai**.
203. Inisiatif keempat puluh lima, sebanyak **RM 1 juta** pula diperuntukkan bagi meneruskan **KLINIK KESIHATAN BERGERAK** dengan kerjasama Yayasan Noah.
204. Inisiatif keempat puluh enam, sejumlah **RM 1 juta** diperuntukkan bagi **BANTUAN PENGHANTARAN UBAT SECARA POS** untuk mengurangkan kesesakan di kaunter farmasi.
205. Inisiatif keempat puluh tujuh, sebanyak **RM 1 juta** pula diperuntukkan bagi **BANTUAN ASET PERUBATAN** kepada Jabatan Oftalmologi di Hospital Sultan Ismail, Hospital Sultanah Nora Ismail dan Hospital Pakar Sultanah Fatimah serta Jabatan Urologi di Hospital Sultanah Aminah.
206. Inisiatif keempat puluh lapan, sebanyak **RM 360 ribu** diperuntukkan bagi **PEMASANGAN AUTOMATED EXTERNAL DEFIBRILLATOR (AED)** di 40 kawasan tumpuan awam bagi bantuan awal pertolongan cemas kepada mereka yang mendapat serangan jantung.
207. Inisiatif keempat puluh sembilan, sebanyak **RM 2 juta** diperuntukkan bagi **EMPAT BUAH AMBULANS** yang akan ditempatkan di daerah Tangkak, Mersing, Batu Pahat dan Kota Tinggi.
208. Inisiatif kelima puluh, sebanyak **RM 200 ribu** pula diperuntukkan bagi **PROGRAM JOHOR BEBAS DENGGI 2.0** bagi memerangi kes denggi dengan kerjasama PBT.
209. Inisiatif kelima puluh satu, sejumlah **RM 240 ribu** diperuntukkan bagi meneruskan **PROGRAM PENGHIJAUAN 17 KAWASAN BERISIKO TINGGI PENAGIHAN DADAH**.

210. Inisiatif kelima puluh dua, sebanyak **RM 2 juta** diperuntukkan bagi **TABUNG BENCANA NEGERI** untuk memperkukuhkan kesiapsiagaan pengurusan bencana alam seperti banjir, ribut dan tanah runtuh. Ini adalah peningkatan sebanyak **RM 1 juta** berbanding peruntukan tahun 2024.

## **TERAS KEEMPAT: KEMUDAHAN DAN KEPERLUAN ASAS**

**Yang Berhormat Datuk Speaker,**

211. Teras keempat ialah **KEMUDAHAN DAN KEPERLUAN ASAS.**

*Kain Tenun Kain Sutera,  
Identiti Johor Jadi Penyeri,  
Keperluan Asas Rakyat Sejahtera,  
Teguhkan Aspirasi Membangun Negeri.*

212. Kerajaan Negeri Johor komited memastikan kemudahan dan keperluan asas yang berkualiti tinggi dapat dinikmati oleh seluruh Bangsa Johor. Teras ini memberi tumpuan kepada penyediaan infrastruktur yang mampan, bekalan air dan elektrik yang mencukupi, jalan raya yang baik, dan perkhidmatan asas lain yang memenuhi keperluan rakyat. Ini adalah asas kepada pembangunan yang inklusif, memastikan setiap rakyat, tanpa mengira lokasi, dapat menikmati kehidupan yang lebih selesa dan sejahtera. Justeru, sebanyak **33 inisiatif** akan dilaksanakan untuk meningkatkan kemudahan dan keperluan asas di seluruh negeri.

213. Inisiatif pertama, sejumlah **RM 635 juta** melalui peruntukan MARRIS disediakan bagi **PENYELENGGARAAN JALAN UTAMA** di Johor merangkumi jalan negeri, jalan PBT, jalan kampung serta jalan pertanian sepanjang 23,600 KM.

214. Inisiatif kedua, sejumlah **RM 84.5 juta** diperuntukkan bagi **MENAIK TARAF JALAN-JALAN PENGHUBUNG** ke Ladang Air Manis, Sedenak, Kulai oleh Kementerian Kerja Raya (KKR).

215. Inisiatif ketiga, sebanyak **RM 72 juta** diperuntukkan bagi **PEMBINAAN JALAN DARI TENGGAROH 7 KE JALAN JOHOR BAHRU-KUANTAN, MERSING** oleh Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW).
216. Inisiatif keempat, sejumlah **RM 50 juta** diperuntukkan bagi **PROJEK MEMBINA, MENAIK TARAF DAN MELEBAR JALAN-JALAN KAMPUNG.**
217. Inisiatif kelima, sebanyak **RM 9.8 juta** diperuntukkan bagi **PELEBARAN JALAN PERSIARAN ABU BAKAR SULTAN.**
218. Inisiatif keenam, sebanyak **RM 9.7 juta** pula diperuntukkan bagi **MENAIK TARAF JAMBATAN SEMPIT DAN UZUR** di Jalan Simpang Renggam, Kluang.
219. Inisiatif ketujuh, sejumlah **RM 4.5 juta** diperuntukkan bagi **MENAIK TARAF JAMBATAN SEDIA ADA KEPADA JAMBATAN ARCH BRIDGE SYSTEM** di Kampung Shaari, Simpang Renggam.

**Yang Berhormat Datuk Speaker,**

220. Inisiatif kelapan, sejumlah **RM 1.5 juta** diperuntukkan bagi **MENAIK TARAF PERSIMPANGAN DAN PEMASANGAN LAMPU JALAN** di daerah Segamat, Tangkak dan Muar.
221. Inisiatif kesembilan, sebanyak **RM 4.5 juta** diperuntukkan bagi **MENAIK TARAF INFRASTRUKTUR PENCAHAYAAN JALAN RAYA** di kawasan persimpangan yang berisiko tinggi melibatkan pemasangan lampu jalan, lampu amber dan lampu isyarat.
222. Inisiatif kesepuluh, sejumlah **RM 10.3 juta** juga diperuntukkan bagi **PEMASANGAN LAMPU JALAN PINTAR** dengan kerjasama Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) dan Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP).

**Yang Berhormat Datuk Speaker,**



223. Inisiatif kesebelas, sejumlah **RM 28.5 juta** diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri dengan kerjasama PBT bagi **PERKHIDMATAN BAS MUAFAKAT JOHOR**.
224. Inisiatif kedua belas, sejumlah **RM 2.5 juta** diperuntukkan bagi **MENAIK TARAF TERMINAL LARKIN SENTRAL**.
225. Inisiatif ketiga belas, sebanyak **RM 885 ribu** diperuntukkan bagi **PERKHIDMATAN SHUTTLE BUS PERCUMA** ke Hospital Sultanah Aminah (HSA), Hospital Sultan Ismail (HSI), Zoo Johor, Bangunan Sultan Ibrahim, Taman Botani DiRaja dan Stadium Sultan Ibrahim.
226. Inisiatif keempat belas, sejumlah **RM 472 ribu** diperuntukkan bagi **MENINGKATKAN LUAS CAPAIAN INTERNET** di Kota Iskandar kepada orang awam dan meneruskan pelaksanaan **WIFI Premium Maju Johor** di kemudahan awam dan premis-premis kerajaan terpilih.
227. Inisiatif kelima belas, sebanyak **RM 600 ribu** diperuntukkan bagi **PROJEK PEMBINAAN KEKAL KOLAM PENENANG ATAU STILLING BASIN** di Empangan Kahang, Kluang.
228. Inisiatif keenam belas, sebanyak **RM 500 ribu** pula diperuntukkan bagi **PROJEK PEMBAIKAN CERUN BERHAMPIRAN KOLAM PENENANG** di Empangan Juaseh, Segamat.
229. Inisiatif ketujuh belas, sejumlah **RM 400 ribu** diperuntukkan bagi **MENAMBAH BAIK PENGURUSAN KAWASAN TADAHAN BAGI MENJAMIN KELESTARIAN SUMBER AIR** melalui penyediaan Pelan Pengurusan Tadahan untuk Empangan Seluyut, Kota Tinggi.

**Yang Berhormat Datuk Speaker,**

230. Syarikat Ranhil SAJ selaku operator bekalan air di Negeri Johor akan terus memainkan peranan bagi memastikan kualiti perkhidmatan air sentiasa di tahap yang terbaik. Justeru,

231. Inisiatif kelapan belas, sebanyak **RM 270 juta** diperuntukkan bagi **PROJEK PEMBINAAN LOJI RAWATAN AIR** di Semangar berkapasiti 50 Juta Liter Sehari (JLH) dan Sg Layang 2 Fasa 2 berkapasiti 160 Juta Liter Sehari (JLH).
232. Inisiatif kesembilan belas, sebanyak **RM 10.9 juta** diperuntukkan bagi **PROJEK PEMASANGAN PAIP** dari Tangki Parit Markom, Pontian Ke Rengit, Batu Pahat yang akan memanfaatkan penduduk Parit Bagan Darat, Parit Sri Merlong, Kg Parit Tengah dan sekitarnya.
233. Inisiatif kedua puluh, sebanyak **RM 6 juta** pula diperuntukkan bagi **PROJEK PENGGANTIAN PAIP AIR MENTAH** di Loji Rawatan Air Gersik, Tangkak untuk menjamin bekalan air terawat kepada 4,673 akaun.
234. Inisiatif kedua puluh satu, sejumlah **RM 3.8 juta** pula diperuntukkan bagi **PEMBINAAN SISTEM PENGEPAMAN *ONLINE*** untuk meningkatkan tekanan air di sekitar Bukit Perah, Parit Jawa dan Parit Bakar, Muar yang memanfaatkan 12,096 akaun.

**Yang Berhormat Datuk Speaker,**

235. Seterusnya bagi perkhidmatan bekalan elektrik, Tenaga Nasional Berhad (TNB) akan melaksanakan,
236. Inisiatif kedua puluh dua, sebanyak **RM 171.5 juta** diperuntukkan bagi **PENAMBAHAN PENCAWANG PEMBAHAGIAN UTAMA (PPU)** di kawasan Seri Impian Kluang, Pekan Nenas, Iskandar Puteri, Sierra Perdana dan Johor Jaya.
237. Inisiatif kedua puluh tiga, sebanyak **RM 83.4 juta** diperuntukkan bagi **MENAIK TARAF SISTEM VOLTAN TINGGI (MSVT)** di Bandar Penawar, Kota Tinggi, Taman Sri Temenggong, Muar, Felda Maokil, Segamat, Kampung Gajah Mati, Mersing dan Majidee, Johor Bahru.

**Yang Berhormat Datuk Speaker,**

238. Sebagai langkah untuk menunaikan janji manifesto, inisiatif kedua puluh empat, sebanyak **RM 18 juta** diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri dan FELDA bagi **PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR ASAS LOT KEDIAMAN GENERASI KEDUA FELDA** di lima kawasan meliputi Felda Bukit Serampang, Felda Ayer Hitam, Felda Kemelah, Felda Sungai Mas dan Felda Bukit Easter.
239. Inisiatif kedua puluh lima, sebanyak **RM 500 ribu** diperuntukkan bagi **PROJEK MENAMBAH BAIK DAN MEMBAIK PULIH** di Dewan Muafakat Ayer Hitam, Batu Pahat.
240. Inisiatif kedua puluh enam, sebanyak **RM 500 ribu** pula diperuntukkan bagi **PROJEK MENAIK TARAF DATARAN NIAGA** di Jalan Tun Dr. Ismail, Mersing.
241. Inisiatif kedua puluh tujuh, sejumlah **RM 1 juta** diperuntukkan untuk **KERJA-KERJA NAIK TARAF FASA 2 KAWASAN REHAT DAN RAWAT SIMPANG TENGGAROH, MERSING.**

**Yang Berhormat Datuk Speaker,**

242. Pada masa ini, terdapat 585 Sekolah Agama Kerajaan Johor (SAKJ) di seluruh negeri Johor. Johor mempunyai bilangan sekolah agama yang tertinggi di Malaysia. Namun demikian, Kerajaan Negeri menyedari bahawa masih terdapat keperluan tambahan sekolah-sekolah agama selaras dengan pertambahan bilangan murid yang tinggi. Justeru, Kerajaan Negeri bersama-sama MAIJ akan terus memperkasakan agenda pendidikan agama Johor melalui;
243. Inisiatif kedua puluh lapan, sebanyak **RM 52 juta** diperuntukkan bagi **PROJEK PEMBINAAN SEKOLAH AGAMA** melibatkan tiga sekolah baru di **Kempas, UTM Skudai dan Larkin** di samping dua bangunan tambahan di **Taman Pulai Indah dan Taman Sri Saujana.**

244. Inisiatif kedua puluh sembilan, sejumlah **RM 4.77 juta** pula diperuntukkan bagi **PROJEK MEMBAIK PULIH SEKOLAH AGAMA**.
245. Inisiatif ketiga puluh, sebanyak **RM 150 juta** diperuntukkan bagi **PEMBINAAN BARU MASJID DAN SURAU** dengan kerjasama pelbagai pihak melibatkan sebanyak 13 buah masjid dan 5 buah surau baharu yang sedang dalam pembinaan.
246. Inisiatif ketiga puluh satu, sejumlah **RM 3 juta** pula diperuntukkan bagi **PROJEK MENAIK TARAF MASJID-MASJID KERAJAAN**.
247. Inisiatif ketiga puluh dua, sejumlah **RM 2.59 juta** pula diperuntukkan bagi **PROJEK PENYELENGGARAAN DAN MENAIK TARAF TAPAK PERKUBURAN KERAJAAN**.
248. Inisiatif ketiga puluh tiga, sejumlah **RM 300 ribu** pula diperuntukkan bagi **PROJEK PEMASANGAN SIARAYA** di Masjid Daerah Segamat, Mersing dan Kluang.

**TERAS KELIMA: KESELAMATAN, KEBERSIHAN DAN KELESTARIAN ALAM SEKITAR**

**Yang Berhormat Datuk Speaker,**

249. Teras kelima dalam belanjawan ini ialah **KESELAMATAN, KEBERSIHAN DAN KELESTARIAN ALAM SEKITAR**.

*Negeri Hijau Perkasa Khazanah,  
Warisan Generasi Buat Penyeri,  
Kelestarian Alam Jadi Amanah,  
Bersih dan Selamat Agenda Negeri.*

250. Agenda Maju Johor membawa harapan untuk memastikan negeri ini kekal selamat, bersih, dan mesra alam demi kesejahteraan semua. Keselamatan adalah asas untuk kita hidup dalam suasana harmoni. Kebersihan pula mencerminkan maruah dan

disiplin rakyat, manakala kelestarian alam memastikan anak cucu kita mewarisi Johor yang indah dan subur. Dengan inisiatif sedia ada dan langkah baharu yang kita perkenalkan, kita akan bersama-sama membina sebuah negeri yang tidak hanya maju, tetapi juga seimbang antara pembangunan dan alam semula jadi, demi manfaat generasi kini dan masa depan. Untuk itu, Kerajaan Negeri akan melaksanakan **23 inisiatif** untuk memastikan keadaan alam sekitar di negeri ini sentiasa terjamin dan terpelihara demi kesejahteraan rakyat.

251. Inisiatif pertama, sebanyak **RM 500 ribu** diperuntukkan bagi **PENGOPERASIAN DAN PELAKSANAAN PROGRAM BERKAITAN KELESTARIAN DAN PERUBAHAN IKLIM** dengan kerjasama Johor Sustainable Center (JSC).
252. Inisiatif kedua, sebanyak **RM 1 juta** diperuntukkan bagi **PENGANJURAN JOHOR SMART CITY FORUM EDISI KEDUA**.
253. Inisiatif ketiga, sejumlah **RM 6.35 juta** diperuntukkan bagi **PEMBANGUNAN PUSAT KAWALAN ATAU COMMAND CENTER** dengan kerjasama Majlis Bandaraya Pasir Gudang dan Majlis Perbandaran Muar sebagai tambahan kepada dua pusat kawalan sedia ada iaitu di Majlis Bandaraya Johor Bahru dan Majlis Bandaraya Iskandar Puteri.
254. Inisiatif keempat, sebanyak **RM 2 juta** diperuntukkan bagi **PEMASANGAN DAN PENYELENGGARAAN CCTV** sedia ada di kawasan-kawasan PBT.
255. Inisiatif kelima, sebanyak **RM 2.85 juta** pula diperuntukkan bagi **KERJA-KERJA PEMBINAAN DAN PENYELENGGARAAN SISTEM LAMPU JALAN PINTAR DAN SMART POLE** di kawasan strategik PBT bagi menyokong inisiatif bandar pintar.
256. Inisiatif keenam, sebanyak **RM 107.4 juta** diperuntukkan dengan kerjasama 15 Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor bagi **MENAIK TARAF SISTEM PERPARITAN, LONGKANG SERTA**

**PEMBENTUNGAN.** Inisiatif ini akan membantu mengurangkan risiko banjir kilat dalam kawasan PBT.

257. Inisiatif ketujuh, sebanyak **RM 5.3 juta** pula diperuntukkan bagi **RANCANGAN TEBATAN BANJIR** termasuk di Parit Besar, Batu Pahat dan Sungai Gelang Patah, Johor Bahru.
258. Inisiatif kelapan, sejumlah **RM 3.03 juta** diperuntukkan bagi **MENAIK TARAF 9 PINTU AIR** iaitu 3 di Batu Pahat, 2 di Muar dan Pontian, dan 1 masing-masing di Tangkak dan Mersing.
259. Inisiatif kesembilan, sebanyak **RM 3.5 juta** diperuntukkan bagi **MENAIK TARAF LEMBANGAN SUNGAI** antaranya di Sungai Tenang-Segamat, Sungai Merbudu-Muar, dan Sungai Melantai-Kluang.
260. Inisiatif kesepuluh, sebanyak **RM 1.62 juta** pula diperuntukkan bagi **KAWALAN HAKISAN PANTAI** termasuk di Pantai Seri Menanti, Muar dan Pantai Mersing.
261. Inisiatif kesebelas, sejumlah **RM 1.44 juta** turut diperuntukkan bagi **KERJA-KERJA PENGGALIAN MUARA SUNGAI** antaranya di Sungai Kajang-Batu Pahat, Sungai Senduk-Tangkak, Sungai Ayer Baloi-Pontian dan Sungai Masai-Pasir Gudang.
262. Inisiatif kedua belas, sebanyak **RM 1.7 juta** diperuntukkan bagi **MENAIK TARAF SALIRAN PERTANIAN** termasuk di Mukim Kundang-Tangkak, Mukim Api-Api-Pontian dan Mukim Machap-Kluang.

**Yang Berhormat Datuk Speaker,**

263. Inisiatif ketiga belas, sejumlah **RM 7 juta** diperuntukkan bagi **TRANSFORMASI SUNGAI JOHOR**. Kerajaan Negeri komited sepenuhnya untuk mengatasi isu pencemaran Sungai Skudai, Sungai Tebrau, dan Sungai Kim Kim melalui langkah holistik seperti penguatkuasaan undang-undang pencemaran, penggunaan teknologi moden serta program pemulihan ekosistem

sungai. Kerjasama erat dengan komuniti, NGO dan sektor swasta akan diperkasa, manakala kempen kesedaran awam dan pembangunan berasaskan kelestarian akan diteruskan.

264. Inisiatif keempat belas, sejumlah **RM 2 juta** diperuntukkan bagi **MENINGKATKAN KUALITI SUNGAI** yang melibatkan kerja pembersihan Sungai Buluh dan Sungai Tukang Batu di Pasir Gudang untuk meningkatkan kualiti sungai daripada Kelas IV kepada Kelas III.
265. Inisiatif kelima belas adalah **MEMPERKENALKAN INSENTIF KHAS BANGUNAN HIJAU**. Bagi menggalakkan pembinaan bangunan hijau, **rebat sehingga 40 peratus** bagi caj *Improvement Service Fund* (ISF) akan diberikan kepada pemaju yang memperoleh penarafan lima bintang dalam program *Comprehensive Assessment System for Built Environment Efficiency* (CASBEE) khususnya di kawasan MBBJ. Usahasama antara MBBJ, IRDA dan UTM ini secara tidak langsung akan dapat membantu mengurangkan jejak karbon negeri.
266. Inisiatif keenam belas, sebanyak **RM 700 ribu** diperuntukkan bagi meneruskan **GERAN KOMUNITI ISKANDAR PUTERI RENDAH KARBON** dengan kerjasama MBIP.
267. Inisiatif ketujuh belas, sebanyak **RM 300 ribu** diperuntukkan bagi **PELAN TINDAKAN PERUBAHAN IKLIM MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU**.
268. Inisiatif kelapan belas adalah **POLISI PENGANGKUTAN HIJAU JOHOR 2030 DAN GARIS PANDUAN PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN PETAK PENGEKASAN KENDERAAN ELEKTRIK JOHOR**. Polisi ini akan menjadi panduan kepada gerak kerja bagi mencapai sasaran iaitu 1,245 EV Charging Bay (EVCB) menjelang tahun 2030 di Negeri Johor.
269. Inisiatif kesembilan belas adalah **PEMBANGUNAN PUSAT PENGEKASAN KENDERAAN ELEKTRIK DI KOTA ISKANDAR**.

Kerajaan Negeri melalui Permodalan Darul Ta'zim dengan kerjasama Gentari akan membangunkan pusat pengecasan EV yang akan dilengkapi dengan 4 *charging point DC* dan 4 *charging point AC*.

270. Inisiatif kedua puluh, sejumlah **RM 330 ribu** diperuntukkan bagi **MEMPERKAYA SUMBER BIODIVERSITI PENGHIJAUAN** melalui program penanaman pokok di kawasan lapang atau terosot seluas 35 hektar yang melibatkan kawasan Hutan Simpan Ayer Hitam Utara dan Kluang Tambahan.
271. Inisiatif kedua puluh satu, sebanyak **RM 37 juta** pula diperuntukkan oleh PBT bagi **PENGINDAHAN DAN PENGHIJAUAN JOHOR** melalui kerja-kerja landskap dan penanaman pokok.
272. Inisiatif kedua puluh dua adalah **PENGINDAHAN DAN PENINGKATAN KESELAMATAN JALAN RAYA** melalui kerja-kerja mengecat kerb jalan raya dengan kerjasama semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor.
273. Inisiatif kedua puluh tiga, sejumlah **RM 400 ribu** diperuntukkan bagi **MENAIK TARAF HUTAN SIMPAN PANTI**.

### **TERAS KEENAM: ORANG MUDA JOHOR**

**Yang Berhormat Datuk Speaker,**

274. Teras Keenam ialah **ORANG MUDA JOHOR**.

*Negeri Johor Negeri Tersohor,  
Lahirkan Pemimpin Bijak Bestari,  
Orang Muda Pelapis Johor,  
Teguhkan Tekad Bangunkan Negeri.*

275. Menjunjung kasih Duli Yang Amat Mulia Pemangku Sultan Johor yang sentiasa menjadi pendorong semangat Orang Muda Johor



untuk terus melangkah ke hadapan secara holistik dengan lebih cemerlang.

276. Orang Muda Johor adalah tunjang kekuatan masa depan negeri ini. Dalam usaha merealisasikan agenda Maju Johor, kita perlu membuka ruang seluas-luasnya untuk golongan muda melakar kejayaan, sama ada dalam pendidikan, keusahawanan, sukan, mahupun inovasi. Kita percaya, dengan sokongan yang tepat, bakat dan impian mereka mampu mencipta gelombang perubahan yang besar. Kita bertanggungjawab membina generasi muda Johor yang berwawasan, berdaya saing dan bakal menjadi pemimpin yang akan membawa negeri ini ke mercu kecemerlangan. Justeru, Kerajaan Negeri komited untuk membentuk sebuah ekosistem yang mendukung aspirasi orang muda melalui **49 inisiatif** berikut:
277. Inisiatif pertama, sebanyak **RM 6.22 juta** diperuntukkan bagi **SEKOLAH RINTIS JOHOR**. Menjunjung titah Pemangku Sultan Johor yang menekankan kepentingan pendidikan berkualiti, negeri Johor berhasrat melancarkan Sekolah Rintis Johor bermula tahun 2025.
278. Menerusi kerjasama erat Kerajaan Negeri dan Persekutuan, projek rintis ini adalah langkah permulaan untuk mencorakkan masa depan pendidikan Bangsa Johor yang lebih maju dan berdaya saing.
279. Inisiatif ini melibatkan dua sekolah rendah dan dua sekolah menengah iaitu **SMK Kota Puteri 2 dan SK Seri Kota Puteri 4 di Pasir Gudang dan SMK Tasek Utara dan SK Tasek Utara di Johor Bahru** dengan tumpuan diberikan terhadap penguasaan Sains, Teknologi, Kejuruteraan, Matematik (STEM) dan Bahasa Inggeris, di samping memastikan 100 peratus pelajar lepasan SPM di Johor melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.

280. Inisiatif kedua, sebanyak **RM 300 ribu** pula diperuntukkan dengan kerjasama Yayasan JCORP dan Yayasan Temasek bagi **PROGRAM STEM SEKOLAH LESTARI**.
281. Inisiatif ketiga, sejumlah **RM 200 ribu** diperuntukkan bagi **JOHOR STUDENT LEADERS COUNCIL (JSLC)**.
282. Inisiatif keempat, sebanyak **RM 400 ribu** diperuntukkan bagi **AKADEMI DEBAT JOHOR 2.0**.
283. Inisiatif kelima, sebanyak **RM 500 ribu** pula diperuntukkan bagi **JOHOR GEMS 2.0** yang akan dilaksanakan oleh Yayasan Pelajaran Johor bagi membantu pelajar menguasai teknik menjawab soalan SPM.
284. Inisiatif keenam, sejumlah **RM 200 ribu** diperuntukkan bagi menyediakan **BILIK TERAPI MULTISENSORI** beserta peralatan lengkap untuk menyantuni pelajar pendidikan khas.
285. Inisiatif ketujuh, sebanyak **RM 100 ribu** diperuntukkan bagi **BANTUAN KALKULATOR SAINTIFIK** kepada 1,400 pelajar Sekolah Menengah Agama Negeri Johor, Sekolah Agama Bantuan Kerajaan dan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama oleh Perbadanan Islam Johor.
286. Inisiatif kelapan, sebanyak **RM 800 ribu** pula diperuntukkan bagi **KEMUDAHAN FASILITI SMART TV DAN SMART BOARD** untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran yang akan memberi manfaat kepada 274 buah sekolah agama.
287. Inisiatif kesembilan, sejumlah **RM 100 ribu** diperuntukkan bagi **INSENTIF PELAJAR CEMERLANG SIJIL PELAJARAN MALAYSIA/SIJIL TINGGI PELAJARAN MALAYSIA/SIJIL TINGGI AGAMA MALAYSIA** untuk **50 penerima** sebagai galakan untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi yang dilaksanakan dengan kerjasama Yayasan Raja Zarith Sofiah.

288. Inisiatif kesepuluh, sebanyak **RM 1.3 juta** diperuntukkan bagi program **ONN LEADERSHIP ACCELERATOR DAN JOHOR APPRENTICE**.
289. Inisiatif kesebelas, sebanyak **RM 800 ribu** pula diperuntukkan untuk **JOHOR YOUTH PATRIOT**. Program dengan kerjasama Askar Timbalan Setia, atau JMF ini mensasarkan pembentukan jati diri, disiplin, ketahanan mental dan fizikal serta semangat patriotisme dalam kalangan belia Johor.
290. Inisiatif kedua belas, sejumlah **RM 800 ribu** diperuntukkan bagi penganjuran **JOHOR INTERNATIONAL YOUTH CONFERENCE 2025**.
291. Inisiatif ketiga belas, sebanyak **RM 400 ribu** diperuntukkan bagi **PROGRAM AYUH JOHOR** bertujuan untuk menyebarkan pelbagai inisiatif Orang Muda Johor di IPTA dan IPTS.
292. Inisiatif keempat belas, sebanyak **RM 100 ribu** pula diperuntukkan bagi **PROGRAM DUTA JAUHAR**.
293. Inisiatif kelima belas, sejumlah **RM 100 ribu** diperuntukkan bagi **PERKONGSIAN DAN KEMAHIRAN BELIA NEGERI JOHOR**.
294. Inisiatif keenam belas, sebanyak **RM 6.4 juta** diperuntukkan bagi **BANTUAN AWAL PERSEKOLAHAN** yang diberikan bagi meringankan beban ibu bapa yang tidak berkemampuan.
295. Inisiatif ketujuh belas, sebanyak **RM 1.75 juta** pula diperuntukkan bagi **BIASISWA ORANG MUDA JOHOR** untuk pelajar cemerlang Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bagi melanjutkan pengajian ke universiti terbaik dunia.
296. Inisiatif kelapan belas, sejumlah **RM 148 ribu** diperuntukkan bagi **BIASISWA SULTAN IBRAHIM** khusus untuk anak Johor yang

melanjutkan pengajian di peringkat Masters dan PhD.

297. Inisiatif kesembilan belas, sebanyak **RM 150 ribu** diperuntukkan bagi **BIASISWA TABUNG SARJANA PDT**.
298. Inisiatif kedua puluh, sebanyak **RM 2.56 juta** pula diperuntukkan dengan kerjasama MAIJ bagi **DERMASISWA LUAR NEGARA**.
299. Inisiatif kedua puluh satu, sejumlah **RM 650 ribu** diperuntukkan untuk **BIASISWA KENANGAN DATO' ONN** yang memberi manfaat kepada **1,000 pelajar B40** di peringkat Sekolah Menengah dengan kerjasama Yayasan Pelajaran Johor.
300. Inisiatif kedua puluh dua, sebanyak **RM 18.3 juta** diperuntukkan bagi **BANTUAN PINJAMAN PELAJARAN MAHASISWA IPT**.
301. Inisiatif kedua puluh tiga, sebanyak **RM 8 juta** juga diperuntukkan bagi **PEMBERIAN BANTUAN PENDAFTARAN** sebanyak **RM 500 seorang** kepada 16,000 mahasiswa anak Johor dari keluarga B40.
302. Inisiatif kedua puluh empat, sejumlah **RM 4 juta** diperuntukkan bagi **BANTUAN PENDAFTARAN IPT** kepada mahasiswa dari kalangan asnaf.

**Yang Berhormat Datuk Speaker,**

303. Sekali lagi, sebagai langkah menunaikan manifesto, inisiatif kedua puluh lima, sebanyak **RM 2.5 juta** diperuntukkan bagi **BANTUAN LAPTOP SISWA JOHOR** yang akan memanfaatkan 1,000 orang mahasiswa dari keluarga B40.
304. Inisiatif kedua puluh enam, sebanyak **RM 3 juta** pula diperuntukkan bagi pemberian **INSENTIF MAHASISWA JOHOR** melalui **KAD SISWA JOHOR** dengan nilai RM 200 berbanding RM 50 pada tahun 2024 kepada 15,000 mahasiswa anak Johor.

305. Inisiatif kedua puluh tujuh, sejumlah **RM 630 ribu** diperuntukkan untuk **PERSATUAN MAHASISWA ANAK JOHOR** di Institusi Pendidikan Tinggi.
306. Inisiatif kedua puluh lapan, sebanyak **RM 1.5 juta** diperuntukkan bagi program **BANTUAN PERALATAN KEPADA PUSAT PENDIDIKAN DAN LATIHAN** untuk menyediakan bantuan geran kepada 4 pusat Pendidikan dan Latihan, iaitu Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC), Batu Pahat, JSkills, Politeknik Mersing dan ILP Pasir Gudang.
307. Inisiatif kedua puluh sembilan, sebanyak **RM 14 juta** diperuntukkan bagi mewujudkan **PUSAT LATIHAN AKADEMI ASWAJA** untuk dijadikan Pusat Aktiviti Belia Islam.
308. Inisiatif ketiga puluh, sebanyak **RM 800 ribu** pula diperuntukkan bagi **SOUTHERN VOLUNTEERS PRIHATIN RAKYAT @ BANGSA JOHOR.**
309. Inisiatif ketiga puluh satu, sejumlah **RM 200 ribu** diperuntukkan bagi program **SV GO GREEN DAN JOHOR BERSIH.**
310. Inisiatif ketiga puluh dua, sebanyak **RM 500 ribu** diperuntukkan bagi **SAMBUTAN HARI BELIA NEGARA PERINGKAT NEGERI JOHOR.**
311. Inisiatif ketiga puluh tiga, sebanyak **RM 200 ribu** pula diperuntukkan bagi program **TAUTAN KASIH BELIA NEGERI JOHOR DAN JELAJAH IDENTITI BANGSA JOHOR.**
312. Inisiatif ketiga puluh empat, sejumlah **RM 300 ribu** diperuntukkan bagi melaksanakan **KARNIVAL MEDIA DIGITAL JOHOR.**
313. Inisiatif ketiga puluh lima, sebanyak **RM 2 juta** diperuntukkan bagi **MENAIK TARAF PERPUSTAKAAN AWAM** di Pontian dan Johor Bahru.

314. Inisiatif ketiga puluh enam, sebanyak **RM 150 ribu** diperuntukkan bagi **BAZAR BUKU** untuk mewujudkan jaringan ekosistem budaya membaca dalam kalangan komuniti buku, Orang Muda Johor dan industri buku.
315. Inisiatif ketiga puluh tujuh, sebanyak **RM 1.5 juta** pula diperuntukkan bagi **SUKAN BANGSA JOHOR**.
316. Inisiatif ketiga puluh lapan, sejumlah **RM 1.5 juta** diperuntukkan bagi **GYM RAKYAT TMIYC ISKANDAR PUTERI**.
317. Inisiatif ketiga puluh sembilan, sebanyak **RM 730 ribu** diperuntukkan bagi **BAIK PULIH GELANGGANG SUKAN**. Inisiatif ini bertujuan untuk menambah baik 24 kemudahan sukan yang lebih selamat dan berkualiti khususnya di kawasan luar bandar, antaranya gelanggang badminton di Kampung Parit Baru-Ayer Hitam, Muar, gelanggang sepak takraw di Kampung Semanyir-Endau dan gelanggang futsal di Kampung Melayu Bukit Batu-Kulai.
318. Inisiatif keempat puluh, sebanyak **RM 500 ribu** pula diperuntukkan bagi **PICKLE SPOT JOHOR** untuk membina 8 buah gelanggang di mana 4 buah gelanggang di Pusat Kecemerlangan Sukan, Nusa Duta dan 4 buah gelanggang Dewan Serbaguna Stadium Hoki, Taman Daya.
319. Inisiatif keempat puluh satu, sejumlah **RM 500 ribu** diperuntukkan bagi **MENAIK TARAF MINI STADIUM** di Taman Sri Lambak, Kahang.
320. Inisiatif keempat puluh dua, sebanyak **RM 200 ribu** diperuntukkan bagi **SUKAN PERMOTORAN - MOTOCROSS** di Semarang, Ayer Hitam.
321. Inisiatif keempat puluh tiga, sebanyak **RM 100 ribu** pula diperuntukkan bagi **KARNIVAL RAGBI JOHOR 2025**.

322. Inisiatif keempat puluh empat, sejumlah **RM 5 juta** diperuntukkan bagi **PEMBANGUNAN ATLET SUKMA 2026** yang akan melibatkan 1,500 atlet.
323. Inisiatif keempat puluh lima, sebanyak **RM 300 ribu** diperuntukkan bagi **LATIHAN PUSAT ATLET PARA SUKMA NEGERI JOHOR.**
324. Inisiatif keempat puluh enam, sejumlah **RM 500 ribu** diperuntukkan bagi penganjuran **JOHOR E-SPORTS TOURNAMENT.**
325. Inisiatif keempat puluh tujuh, sebanyak **RM 300 ribu** diperuntukkan bagi menganjurkan **JOHOR RUN 2025.**
326. Inisiatif keempat puluh lapan, sebanyak **RM 100 ribu** pula diperuntukkan bagi penganjuran program **MAYBANK CYCLING SERIES.**
327. Inisiatif keempat puluh sembilan, sebanyak **RM 250 ribu** pula diperuntukkan bagi **JOHOR ATHLETE - GOLD OLYMPIC (JA-GO)** kepada atlet kelahiran negeri Johor yang berpotensi melayakkan diri ke Sukan Olimpik Los Angeles 2028 bagi persediaan untuk membawa pulang pingat di temasya tersebut.
328. Antaranya ialah **Shah Firdaus Sahrom** dan **Ridwan Sahrom**, dua beradik yang cemerlang dalam **sukan berbasikal trek**. Turut serta ialah **Tan Rouxin**, **atlet renang** yang berpotensi besar, **Aniq Kasdan**, **jaguh angkat berat** muda yang telah meraih beberapa kejayaan di peringkat asia, serta **Syaqiera Mashayikh**, **bintang memanah** yang sedang mencipta nama di peringkat antarabangsa.

## **PENUTUP**

**Yang Berhormat Datuk Speaker,**

329. Sekianlah pembentangan saya bagi Belanjawan Johor 2025 yang bertemakan “**Maju Johor, Rakyat Sejahtera**”.
330. Pada kesempatan ini saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan setinggi-tinggi terima kasih kepada Setiausaha Kerajaan Johor, Yang Berhormat Tan Sri Dato’ Dr. Haji Azmi bin Rohani, Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Negeri dari Barisan Nasional dan Pakatan Harapan, seluruh pegawai kanan Kerajaan Negeri dan Persekutuan, pegawai-pegawai daerah, Pihak Berkuasa Tempatan, Badan-Badan Berkanun serta GLC Negeri Johor atas sokongan dan kerjasama erat yang diberikan bagi menyediakan Belanjawan Johor 2025.
331. Saya sedar dan insaf bahawa banyak lagi inisiatif, yang perlu kita laksanakan. Namun, akal tak sekali datang, runding tak sekali tiba. Adalah menjadi harapan saya agar belanjawan ini akan menerus dan meningkatkan usaha dan komitmen semua pihak demi kemaslahatan seluruh Bangsa Johor.
332. Kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Negeri dari pihak kerajaan dan barisan pengimbang, marilah kita sama-sama berganding bahu dan bersatu tenaga menjayakan pelbagai projek dan program seperti yang dibentangkan sebentar tadi.
333. Inisiatif-inisiatif tersebut hanya akan dapat dirasai dengan pelaksanaan yang cekap dan berkesan. Suka untuk saya tegaskan supaya semua inisiatif yang telah diumumkan ini diambil tindakan segera oleh setiap jabatan dan agensi berkaitan. Kertas kerja perlu diselesaikan pada bulan Disember, proses perolehan perlu dilaksanakan pada bulan Januari dan kerja-kerja dimulakan pada Februari/Mac, seterusnya disiapkan selewatnya pada bulan Oktober atau November.
334. Semua inisiatif ini akan menjadi KPI pentadbiran saya bagi tahun 2025. Pejabat Setiausaha Kerajaan (Bahagian Pemantauan



Projek dan Kesejahteraan Rakyat) akan memantau rapi status pelaksanaan dan membentangkannya kepada saya pada setiap bulan.

**Yang Berhormat Datuk Speaker,**

335. Seperti yang saya nyatakan di awal ucapan, prestasi hasil Kerajaan Negeri, alhamdulillah telah mencatat suatu rekod baru pada tahun ini dan insya-Allah akan mencecah **RM 2 billion**. Justeru wajarlah ia dikembalikan semula untuk dirasai dan dinikmati bersama oleh Bangsa Johor yang dikasihi, khususnya mereka yang kurang berkemampuan.
336. Justeru, **RM 16.8 juta** akan diperuntukkan bagi **PROGRAM BAKUL MAKANAN** yang akan dilaksanakan di setiap DUN bagi golongan B40. Sebanyak **5 ribu bakul makanan** berjumlah **RM 300 ribu** untuk semua 56 DUN akan diagihkan secara berfasa bermula hujung tahun ini.
337. Tidak cukup dengan itu, demi kesejahteraan Bangsa Johor yang terlibat dalam bencana banjir, sejumlah **RM 11.946 juta** juga diperuntukkan bagi permohonan rayuan bantuan banjir Monsun Timur Laut tahun 2022/2023 di daerah Muar, Batu Pahat, Segamat dan Kota Tinggi. Sebanyak RM 1,500 diperuntukkan bagi setiap Ketua Isi Rumah (KIR) yang akan memanfaatkan **7,964 KIR** yang terlibat.
338. Walau bagaimanapun Yang Berhormat Datuk Speaker, bantuan wang ihsan mangsa banjir pada masa akan datang, akan diselaraskan berdasarkan ketetapan dan peruntukan yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan melalui NADMA.
339. Sebanyak **RM 11.2 juta** diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri untuk disalurkan kepada **56 DUN** bagi melaksanakan program dan aktiviti kemasyarakatan. Setiap DUN akan diperuntukkan **RM 200 ribu**.

340. Seterusnya, sebagai tanda penghargaan atas dedikasi dan komitmen penjawat awam negeri, saya dengan sukacitanya mengumumkan pemberian **INSENTIF KHAS KECEMERLANGAN** Tahun 2024 sebanyak **x bulan gaji** kepada kakitangan Kerajaan Negeri Johor dan kakitangan awam persekutuan yang dibayar gaji oleh kerajaan Negeri Johor.

341. Semoga insentif ini menjadi motivasi untuk meningkatkan kecemerlangan dan terus memberikan perkhidmatan terbaik kepada Bangsa Johor.

Sekian, *Wabillahitaufik Walhidayah, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Yang Berhormat Datuk Speaker, Saya mohon mencadangkan.